

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR TERPILIH DENGAN
STRES DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI
DAERAH JELI, KELANTAN**

MUHAMMAD SHUKRI BIN DERAMAN

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR TERPILIH DENGAN STRES
DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH JELI KELANTAN

MUHAMMAD SHUKRI BIN DERAMAN
(803363)

KERTAS PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA *UUM*
COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA
SAINS (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 30 JUN 2011

Tandatangan:.....
Nama: MUHAMMAD SHUKRI DERAMAN
No. Matrik: 803363



**Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)**

**PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)**

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

MUHAMMAD SHUKRI BIN DERAMAN (NO. MATRIK : 803363)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)


**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR TERPILIH DENGAN STRES DALAM
KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH JELI, KELANTAN.**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi
bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form
and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia
(Name of Supervisor)

: **Dr. Ishak Sin**

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: **30 Jun 2011**

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas projek ini adalah sebagai memenuhi keperluan untuk mendapat Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia untuk membuat salinan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan salinan kertas projek ini dibuat sebahagian atau keseluruhan bagi tujuan akademik melalui kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, oleh Dekan (Sekolah Siswazah Awang Had Salleh), *UUM College of Arts and Sciences*. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Bagi sebarang penggunaan bahan daripada kertas projek ini untuk tujuan penulisan, permohonan untuk mendapat kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan secara keseluruhan atau sebahagian haruslah dibuat dengan menulis kepada:

Dekan (Sekolah Siswazah Awang Had Salleh)
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keredaannya serta keizininannya dapatlah saya menyiapkan kertas projek sarjana sains ini menepati masa yang ditetapkan.

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas kepada Dr. Ishak bin Sin selaku penyelia akademik yang sangat banyak memberi tunjuk ajar dan pandangan di sepanjang proses menyiapkan kertas projek sarjana sehinggalah ia siap sepenuhnya. Ilmu yang disampaikan amat bernilai dan boleh dijadikan panduan untuk masa-masa akan datang. Di atas dorongan dan tunjuk ajar yang berterusan memberikan keyakinan kepada saya dalam proses menyiapkan kertas projek ini. Seterusnya penghargaan ini saya tujukan juga kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu mendidik saya di sepanjang kursus ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kakitangan Universiti Utara Malaysia diatas kerjasama dan nasihat yang diberikan sepanjang pengajian sarjana saya.

Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, kerana telah meluluskan permohonan saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah terpilih di daerah Jeli. Terima kasih juga dihulurkan kepada guru besar-guru besar di atas kerjasama yang diberikan semasa proses kajian berlangsung. Terima kasih yang tidak terhingga diberikan kepada guru-guru yang terlibat kerana membantu dalam menjawab soal selidik. Di samping itu tidak lupa juga saya untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan membantu sepanjang kursus ini berlangsung.

Akhir sekali tidak lupa saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri dan anak-anak tercinta kerana kesediaan memahami usaha saya untuk menambah ilmu sehingga ke peringkat tertinggi.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor terpilih dengan stres dikalangan guru sekolah rendah di daerah Jeli Kelantan. Dua alat ukur digunakan dalam kajian ini. *Validating Measures of Teacher Stress (VMTS)* dimajukan oleh Pettegrew dan Wolf (1982) diguna untuk mengukur lima dimensi faktor stres iaitu kekeliruan peranan, beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas. *Stress Composite Measures Of Five Sympton (SCMS)* dimajukan oleh Conley dan Woosley (2000) digunakan untuk mengukur tahap stres guru. Seramai 168 orang guru dari daerah Jeli di negeri Kelantan terlibat dalam kajian. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi (frekuensi, min, sisihan piawai, peratus, ujian-T, ANOVA dan pekali korelasi Pearson). Keputusan kajian adalah seperti berikut: 1) Hipotesis pertama gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru berdasarkan jantina. 2) Hipotesis kedua gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru berdasarkan pengalaman mengajar. 3) Hipotesis ketiga gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru berdasarkan tahap pendidikan guru. 4) Hipotesis keempat gagal ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stres guru dan kekeliruan peranan. 5) Hipotesis kelima ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan antara stres guru dan bebanan tugas. 6) Hipotesis keenam ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan antara konflik peranan dan stres guru. 7) Hipotesis ketujuh gagal ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pengurusan dan stres guru. 8) Hipotesis kelapan ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan tugas dan stres guru.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN SELECTED FACTORS AND
STRESS AMONGST TEACHERS IN PRIMARY SCHOOL
IN JELI DISTRICT, KELANTAN**

ABSTRACT

The purpose of this research was to identify the relationship between selected factors and stress amongst primary school teachers in Jeli Kelantan. Two instrument were used in this study. The Validating Measures Of Teacher Stress (VMTS) developed by Pettegrew and Wolf (1982) was used to measure the five dimensions of the stress factors namely, role ambiguity, role overload, role conflict, management style and task stress. The Stress Composite Measures of Five Sympton (SCMS) developed by Conley and Woosley (2000) was used to measure the level of teacher's stress. A total of 168 teachers from Jeli District in Kelantan were involved in this research. The data was analysed using descriptive and inferential statistic (frequencies, mean, standard deviation, percentage, T-test, ANOVA and Pearson Correlation Coefficient). The results of this study were as follows: 1) The first hypothesis was failed to reject because there was no significant difference of teacher's stress based on gender. 2) The second hypothesis was failed to reject because there was no significant difference of teacher's stress based on teaching experiences. 3) The third hypothesis was fail to rejected because there was no significant differences of teacher's stress based on teacher' education level. 4) The fourth hypothesis was failed to reject because there was no significant correlation between the teacher's stress and role ambiguity. 5) The fifth hypothesis was rejected because there was a significant correlation between teachers' stress and role overload. 6) The six hypothesis was rejected because there was a significant correlation between role conflict and teacher stress. 7) The seven hyphotesis failed to reject because there was no significant correlation between management style and teacher's stress. 8) The eight hyphotesis was rejected because there was a significant correlation between task stress and teacher's stress.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
KEBENARAN MENGGUNA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT (Terjemahan)	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB I PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Hipotesis Kajian	8
1.6 Kerangka Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definisi Operasional	11
1.10 Rumusan	13

BAB II	TINJAUAN LITERATUR	14
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Definisi Dan Konsep Stres	14
2.3	Punca-Punca Stres dan Akibatnya	15
2.4	Teori-Teori Stres	17
2.5	Model-Model Stres	20
2.6	Perkaitan Antara Beberapa Faktor Terpilih Dengan Tahap Stres	23
2.7	Rumusan	29
BAB III	KAEDAH KAJIAN	31
3.1	Pendahuluan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Populasi dan Persampelan	32
3.4	Alat Ukur Kajian	33
3.5	Kajian Rintis	35
3.6	Prosedur Memungut Data	36
3.7	Prosedur Menganalisis Data	37
3.8	Rumusan	40

BAB IV	DAPATAN KAJIAN	41
4.1	Pendahuluan	41
4.2	Profil Responden	41
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian	45
4.4	Pengujian Hipotesis	46
4.5	Rumusan	52
BAB V	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	53
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Ringkasan Kajian	53
5.3	Dapatan dan Perbincangan	56
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	61
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	61
5.6	Kesimpulan	62
RUJUKAN		63
LAMPIRAN A:	SOAL SELIDIK KAJIAN	70
LAMPIRAN B:	SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	74
LAMPIRAN C:	JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN	76
LAMPIRAN D:	OUTPUT SATISTIK KAJIAN	77

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
3.1	Jadual Spesifikasi Instrumen	33
3.2	Kedudukan Item Bagi Setiap Dimensi	34
3.3	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen	36
3.4	Kaedah Pengkodan Ciri-Ciri Demografi	37
3.5	Kaedah Pengkodan Instrumen Faktor-Faktor Tekanan Dan Tahap Stres	38
3.6	Pengkelasan Min	38
3.7	Hipotesis Nol dan Ujian	39
3.8	Nilai Koefisien Korelasi Dan Intepretasi	40
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	42
4.2	Bilangan Responden Mengikut Umur	42
4.3	Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	43
4.4	Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas	44
4.5	Bilangan Responden Mengikut Pengalaman	44
4.6	Min dan Sisihan Piawai Faktor-Faktor Stres	45
4.7	Min dan Sisihan Piawai Tahap Stres Guru	46
4.8	Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Tahap Stres Guru Berdasarkan Jantina	46
4.9	Keputusan Deskriptif Pengalaman Kerja	47
4.10	Keputusan Ujian Kehamogenan Varians	47
4.11	Keputusan ANOVA Satu Hala Faktor Stres Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	48
4.12	Keputusan Ujian Pos-HocTukey	48
4.13	Keputusan Deskriptif Kategori Kelulusan	49
4.14	Keputusan Ujian Kehamogenan Varians	49
4.15	Keputusan ANOVA Satu Hala Stres Guru Berdasarkan Kategori Kelulusan	49
4.16	Keputusan Ujian Pos-HocTukey	50
4.17	Korelasi Antara Dimensi Faktor-Faktor Stres Dengan Tahap Stres Guru	50

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
1.1	Kerangka kajian	9

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kehidupan manusia pada zaman ini amat mencabar dan kompleks. Kepelbagaian dan kesukaran kehidupan ini menyebabkan munculnya masalah yang dihadapi manusia iaitu stres. Menurut Hatta Sidi dan Mohamed Hatta (2002) stres merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sejak dahulu lagi dan tanpa disedari ia telah berubah wajah mengikut peredaran masa. Stres bukanlah suatu perkara yang asing bagi masyarakat negara ini. Stres biasa dialami oleh semua manusia apabila berada dalam keadaan yang tidak menyenangkan Hatta Sidi dan Mohamed Hatta (2002).

Secara umumnya, perkataan stres telah digunakan secara meluas dalam beberapa konteks yang berbeza. Stres dan kehidupan amat berkait rapat dengan gaya hidup, perwatakan seseorang, faktor keluarga, proses urbanisasi dan kejutan budaya terhadap perkembangan pemodenan yang mendadak (Kyriacou, 1987). Stres merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental dan kerap menyerang masyarakat (Kyriacou, 1987).

Apabila seseorang itu berhadapan dengan stres, sudah tentu individu terbabit akan gagal untuk berfungsi dengan baik di dalam masyarakat (Jaafar, 2003). Di Malaysia, fenomena stres dalam kalangan guru kini sedang hebat diperbincangkan dan dijadikan sebagai bahan kajian ilmiah (Mokhtar, 1998). Malahan, kajian-kajian yang lepas juga mendapati bahawa profesion perguruan adalah bidang kerjaya yang menghadapi stres kerja yang tinggi (Mokhtar, 1998). Arus pendidikan hari ini semakin mendesak para profesional pendidikan untuk bekerja keras dan lebih masa demi mencapai permintaan tinggi pendidikan tersebut. Desakan-desakan ini menyebabkan, guru-guru mula merasa stres atau sekurang-kurangnya pernah merasa stres dengan bebanan kerjaya pendidikan ini (Mokhtar, 1998).

Menurut Sapora (2007), seseorang guru yang mengalami stres menyebabkan berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat stres akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa pendidikan di Malaysia ke arah kecemerlangan dan kegemilangan.

Selain itu, terdapat pelbagai tanggapan dan dakwaan negatif berhubung dengan kerjaya guru masa kini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa kerja dan tugas sebagai guru bukan lagi menjadi pilihan kerjaya yang baik dan menarik (Abdullah, 2003). Malah tidak dinafikan ada yang melihat organisasi

sekolah sebagai sebuah organisasi yang dipenuhi dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan sesuatu yang dirancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdullah, 2003). Jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan menyebabkan suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah berada dalam keadaan tidak terurus dan kemungkinan gagal untuk mencapai matlamat yang sepatutnya.

Kyriacou dan Sutcliffe (1978) menyatakan bahawa stres guru boleh ditakrifkan sebagai perasaan tidak selesa, emosi negatif seperti marah, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang berpunca dari aspek kerja mereka sebagai seorang guru. Dalam hal ini, guru yang menghadapi stres adalah guru yang tidak dapat mengawal emosi mereka terhadap perubahan budaya pendidikan yang bukan sahaja untuk memberi ilmu pengetahuan tetapi perlu mendidik manusia agar menjadi masyarakat yang berguna.

Selain itu guru juga terpaksa melakukan kerja lebih masa, perkeranian, menyediakan alat bantu mengajar, menghadiri kursus atau bengkel sepanjang minggu sambil terpaksa melakukan penyesuaian terhadap kaedah pengajaran yang baru menyebabkan guru-guru berasa tertekan dan tekanan kerja pada tahap yang tinggi biasanya akan membawa kepada ketidakpuasan kepada kerja, sikap suka mengelak dan pengabaian kerja (Kyriacou, 1987). Tindakbalas penyesuaian stres oleh guru merangkumi tindakbalas psikologi (keletihan dan kemurungan), fisiologi (sakit kepala, tekanan darah tinggi) dan berkaitan sikap (pengambilan alkohol, merokok, gaya hidup dan masalah tidur) (Kyriacou, 1987)

Suasana kerja yang tidak memuaskan menyumbang kepada faktor stres dan seterusnya membawa kepada ketidakpuasan kerja dan keinginan untuk meninggalkan profesion perguruan (Kyriacou & Sutcliffe, 1978). Tekanan yang tinggi pada guru boleh mengakibatkan kekecewaan, agresif, kebimbangan, sifat suka mengelak, peningkatan terhadap tahap ketidakhadiran dan penurunan terhadap prestasi guru (Kyriacou & Sutcliffe, 1978).

Menurut laporan (Mohamad Fauzi, 1999) Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia menempatkan seorang kaunselor di setiap daerah di negara ini dengan secepat mungkin. Ini bertujuan bagi memastikan setiap kaunselor dapat meneliti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru berkenaan berkaitan stres kerja. Dalam laporan tersebut, Presidennya Tengku Habsah Tengku Petra bimbang guru-guru terbabit dengan stres kerja akan menghadapi stres yang lebih besar seperti masalah mental. Menurut beliau, pihaknya sering menerima aduan daripada guru-guru yang menghadapi stres kerja dan mengadu tidak tahan dengan bebanan dan persekitaran kerja, masalah kewangan serta keluarga.

Individu tidak akan dapat berfungsi dengan berkesan jika ia dalam keadaan tertekan (Smith, 1994). Perasaan tertekan menjadikan seseorang itu tidak rasional, cemas, tegang, tidak dapat memusatkan perhatian kepada kerja dan gagal menikmati rasa gembira atau rasa puas hati terhadap kerja yang dilakukan. Hal-hal ini akan menghalang seseorang daripada bersikap positif (Smith, 1994). Kajian juga

menunjukkan sesetengah guru mengalami perasaan tertekan dan mengambil keputusan untuk berhenti atau bersara awal (Smith, 1994).

1.2 Penyataan Masalah

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya stres dalam kalangan guru. Antaranya ialah faktor kekeliruan peranan, faktor bebanan tugas, faktor konflik peranan, faktor gaya pengurusan dan faktor tekanan tugas (Pettegrew & Wolf, 1982). Faktor-faktor stres bukan sahaja wujud di negara Barat tetapi juga di timur termasuk Malaysia. Laporan Unit Kaunseling Jabatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (2006) menyatakan terdapat 83% guru mengalami stres. Antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya sedemikian rupa ialah kerana guru dikehendaki memainkan pelbagai peranan sehingga terpaksa berada di sekolah sehingga waktu petang (Berita Minggu 5 Ogos 2007). Selain itu gaya pengurusan guru besar juga dikatakan menyumbang kepada stres dikalangan guru (Abdullah, 2003). Di samping itu guru-guru juga dikatakan menjadi stres apabila guru-guru dibebani dengan tugas yang banyak (Ab. Aziz, 2000).

Walaupun terdapat penulisan-penulisan sedemikian, tetapi apakah faktor-faktor yang benar-benar menyebabkan stres dalam kalangan guru masih jadi persoalan kerana ianya tidak jelas disebabkan kurangnya kajian yang berusaha mengenal pasti faktor-faktor manakah yang dominan dalam menentukan stres dalam kalangan guru. Antara faktor-faktor kekeliruan peranan, faktor beban tugas, faktor konflik peranan, faktor gaya pengurusan dan faktor tekanan tugas, yang manakah merupakan faktor yang dominan kepada stres guru? Persoalan ini menjadi tanda tanya, kerana

dapatannya tidak konsisten dimana cadangan Conley dan Woosley (2000) mendapati faktor-faktor ini mempengaruhi stres guru sedangkan (Abdullah, 2003) menyatakan ada lagi faktor lain yang boleh mempengaruhi stres guru seperti gaya pengurusan organisasi. Selain itu, hasil penelitian didapati terdapat banyak dapatan tetapi kebolehpercayaannya diragui oleh pelbagai pihak (Ab. Aziz, 2000). Di samping itu dapatan-dapatan kajian yang lalu juga didapati bercanggah dengan kajian oleh Sapora (2007). Beliau mendapati tiada apa-apa perkaitan di antara faktor-faktor stres dengan tahap stres. Ketidakteraturan dapatan kajian-kajian lepas mendorong kajian ini dilakukan. Oleh itu satu kajian perlu dijalankan untuk mengunakakan persoalan-persoalan tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa kepada stres terhadap guru-guru sekolah rendah yang berada dalam kawasan Daerah Jeli, Kelantan. Manakala objektif-objektif khusus kajian ini ialah untuk;

- i) mengetahui tahap stres guru-guru di daerah Jeli.
- ii) mengetahui perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli.
- iii) mengetahui perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli mengikut pengalaman.
- iv) mengetahui perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli mengikut kelulusan.
- v) mengetahui hubungan antara faktor kekeliruan peranan dengan stres.

- vi) mengetahui hubungan antara faktor bebanan tugas dengan stres.
- vii) mengetahui hubungan antara faktor konflik peranan dengan stres.
- viii) mengetahui hubungan antara faktor gaya pengurusan dengan stres.
- ix) mengetahui hubungan antara faktor tekanan tugas dengan stres.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan kajian cuba dijawab oleh penyelidik. Persoalan-persoalan kajian yang dimaksudkan ialah:


- i) Apakah tahap stres guru-guru di daerah Jeli?
- ii) Adakah terdapat perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli mengikut jantina?
- iii) Adakah terdapat perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli mengikut pengalaman?
- iv) Adakah terdapat perbezaan tahap stres guru-guru di daerah Jeli mengikut kelulusan?
- v) Adakah terdapat hubungan antara faktor kekeliruan peranan dengan stres?
- vi) Adakah terdapat hubungan antara faktor bebanan tugas dengan stres?
- vii) Adakah terdapat hubungan antara faktor konflik peranan dengan stres?
- viii) Adakah terdapat hubungan antara faktor gaya pengurusan dengan stres?
- x) Adakah terdapat hubungan antara faktor tekanan tugas dengan stres?

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas beberapa hipotesis nol dibentuk untuk diuji pada paras 0.05. Hipotesis-hipotesis berkenaan ialah:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut jantina.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut pengalaman.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut kelulusan.
- H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kekeliruan peranan dengan stres.
- H₀₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bebanan tugas dengan stres.
- H₀₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor konflik peranan dengan stres.
- H₀₇: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor gaya pengurusan dengan stres.
- H₀₈: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tekanan tugas dengan stres.

1.6 Kerangka Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Kajian

Kerangka kajian mengemukakan dua jenis pemboleh ubah yang terlibat di dalam kajian ini. Pemboleh ubah bebas ialah faktor-faktor tekanan yang terdiri daripada lima dimensi iaitu kekeliruan peranan, beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas (Pettegrew & Wolf, 1982; Conley & Woosley, 2000). Pemboleh ubah bersandar yang dikaji ialah stres. Kerangka kajian ini dibina berasaskan teori yang menyatakan faktor-faktor tersebut telah memberi kesan kepada stres (Conley & Woosley, 2000). Walaupun begitu, memandangkan dapatan kajian yang bercanggah menyebabkan banyak persoalan tidak terjawab. Dengan kajian ini diharap dapat menjawab persoalan-persoalan tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah sebagai usaha memperkembangkan lagi pengetahuan berkenaan dengan stres terutamanya kepada guru-guru di daerah Jeli, Kelantan. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi panduan berguna kepada pihak-pihak

tertentu. Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu jika mendapati guru-guru mengalami stres iaitu dengan melihat kepada faktor-faktor terpilih yang mana menyebabkan berlakunya stres. Mereka perlu memantau pentadbiran sesebuah sekolah dan persekitarannya supaya kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran (Fortuna, 2001). Kajian ini di harap dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah mengenal pasti guru yang mengalami stres.

Akhir sekali diharapkan dapatan kajian ini dapat dijadikan sebahagian panduan kepada semua pihak yang bertanggung jawab agar lebih peka dan dapat mengatur strategi tertentu untuk mengelak, mengurang atau mengatasi stres di kalangan guru-guru di sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama responden kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru tetap yang sedang mengajar di sekolah rendah di Daerah Jeli sahaja. Kedua, responden kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru tetap yang mempunyai pengalaman mengajar selama satu tahun ke atas. Ketiga, dapatan kajian ini tidak digeneralisasi kepada seluruh warga pendidikan dan juga tidak dirumuskan kepada semua guru di Malaysia. Ini disebabkan faktor-faktor yang menyebabkan stres guru adalah berbeza di kalangan individu, sekolah dan kawasan. Keempat, hasil dapatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang diberikan oleh responden adalah tepat.

Keesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut juga adalah bersandar kepada andaian ini.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Stres

Perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan; keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung (Kamus Dewan, 1997). Stres di sini merupakan tindak balas fisiologi dan psikologi yang berlaku dalam diri seseorang yang berpunca atau diakibatkan oleh suasana yang dihadapi yang dianggapkan mengancam atau mencabar.

Stres merupakan normal dalam kehidupan yang sentiasa dipenuhi dengan kesibukan. Setiap orang akan mengalami stres dalam kehidupan seharian mereka. Stres yang berterusan dan keterlaluan boleh mengganggu kesihatan mental mahupun kesihatan fizikal. Jika stres tidak diatasi akan timbul banyak masalah kesihatan dan penurunan produktiviti. Menurut Lazarus (1975), sikap yang positif akan memajukan diri manakala sikap yang negatif akan merosotkan prestasi kerja mereka.

1.9.2 Tekanan Kerja Guru

Perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan semasa bekerja di sekolah, keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung (Kamus Dewan, 1997) berhubung dengan emosi yang tidak menyenangkan seperti ketegangan,

kekecewaan, kebimbangan, kemarahan dan kedukacitaan yang disebabkan daripada aspek-aspek berkerja sebagai seorang guru.

Stres guru yang sering di ketengahkan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978) mendefinisikan sebagai tindak balas negatif seperti kemarahan atau tekanan jiwa yang selalunya diikuti dengan kenaikan degupan jantung atau pengeluaran horman "*andrenocorticotrophic*" ke dalam saluran darah. Stres yang dihadapi oleh guru boleh mengugat keyakinan atau kesihatan diri mereka dan melalui penyesuaian mekanisme yang diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan stres yang dihadapi.

Definisi yang dibawa oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978), menilai stres guru negatif dan boleh membawa kemudaratan kepada kesihatan guru tersebut. Elemen yang penting adalah persepsi guru terhadap stres berdasarkan kepada tiga aspek iaitu: tidak berupaya menerima stres yang dihadapi, mengalami kesusahan untuk menerima stres yang dihadapi atau kegagalan untuk menerima stres sehingga menjejaskan kesihatan mental atau fizikal mereka.

1.9.3 Punca-Punca Stres

Sebab yang menjadi asas, asal mula, pokok pangkal keadaan menekan. (Kamus Dewan, 1997). Punca-punca stres ialah perkara, suasana atau peristiwa yang boleh menyebabkan gangguan kepada tingkah laku, psikologi dan fisiologi seseorang guru. Punca-punca stres yang dikaji ialah dari aspek faktor kekeliruan peranan, peranan beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas.

1.9.4 Beban Tugas

Jumlah tugas yang perlu dikerjakan oleh proses atau sistem dalam tempoh tertentu. (Kamus Dewan, 1997). Merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak buku latihan pelajar, tanggungjawab terhadap pelajaran pelajar dan kerja-kerja pentadbiran seperti mengisi borang dan lain-lain tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seseorang guru sepanjang waktu bekerja.

1.9.5 Sekolah Kebangsaan

Sekolah yang bahasa pengantaranya adalah Bahasa Melayu. Sistem pengajaran dan pembelajaran mengikuti garis panduan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perbezaan sekolah SK berbanding SJK (C) dan SJK (T) ialah dari segi bahasa pengantaranya yang berbeza.

1.10 Rumusan

Dalam bab ini telah dihuraikan dan diterjemahkan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini, latar belakang kajian telah dihuraikan dengan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, istilah dan rumusan.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan dan meninjau teori-teori dan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas mengenai faktor-faktor stres dan perkara yang berkaitan dengan stres guru. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengetahui faktor-faktor stres dan hubungannya dengan stres guru. Selain itu dimuatkan juga dengan beberapa bahan penulisan yang berkaitan dengan stres guru.

2.2 Definisi dan Konsep Stres

Mengikut Kamus Dewan (1997), stres membawa erti perbuatan menekan (keadaan menekan, keadaan tertekan) dan keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung oleh seseorang.

Abouserie (1996) mentakrifkan stres sebagai tindak balas negatif seperti kemarahan atau tekanan jiwa yang selalunya diikuti dengan kenaikan degupan jantung atau perlepasan hormon "*andrenocorticotrophic*" ke dalam saluran darah. Stres yang dihadapi oleh seseorang boleh mengugat keyakinan atau kesihatan diri mereka. Stres

juga boleh memberi kesan yang negatif kepada seseorang dan boleh memudaratkan jika tidak diatasi pada peringkat awal. Abouserie (1996) menegaskan bahawa stres sebagai satu fenomena semula jadi dan tidak boleh dielakkan sekiranya individu tersebut terlibat dengan kerja-kerja profesional. Beliau juga menegaskan bahawa stres menjadi beban semula jadi yang dialami oleh semua individu.

Murdock dan Scutte (1993) mendefinisikan stres sebagai suatu fenomena di mana ketidaksepadanan di antara persepsi tuntutan atau desakan dengan persepsi keupayaan untuk menunaikannya telah berlaku. Murdock dan Scutte (1993) menegaskan konsep stres dalam pekerjaan dianggap sebagai satu aspek kritikal dan berpengaruh ke atas aspek-aspek lain seperti kesihatan. Murdock dan Scutte (1993) menyatakan stres adalah tindak balas yang spesifik oleh organisma terhadap desakan sama ada desakan sebenar atau khayalan. Berdasarkan definisi-definisi stres maka jelaslah bahawa stres merupakan tindak balas fisiologi dan juga tindak balas psikologi terhadap fenomena ketidakstabilan pelbagai aspek dalam diri seseorang guru yang meliputi permintaan dan keupayaan yang perlu ditangani.

2.3 Punca-Punca Stres dan Akibatnya

Hatta dan Mohamed Hatta (2002) menyatakan bahawa terdapat banyak punca stres secara langsung atau tidak langsung, yang mungkin berpunca daripada individu itu sendiri atau melibatkan sekelompok manusia, persekitaran, keluarga dan sebagainya. Beliau juga menegaskan stres juga mungkin berpunca daripada kebosanan. Kebosanan pula terjadi kerana kita melalui rutin hidup yang sama setiap hari, di samping kehidupan yang stereotaip tanpa riadah, hiburan atau teman untuk berbicara.

Kenneth (1996) menyatakan bahwa salah satu punca stres bagi guru-guru adalah perubahan. Oleh yang demikian guru-guru perlulah menyesuaikan diri dengan perubahan dan sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek. Kenneth (1996) menyatakan punca stres atau "*stressor*" adalah rangsangan yang bertindak terhadap seseorang yang melebihi kebolehan seseorang itu mengawalinya. Noriah (1994) menyatakan cara seseorang menganggap punca stres juga berbeza-beza dimana sesuatu peristiwa boleh bertindak sebagai punca stres kepada individu A tetapi bukan kepada individu B.

Kyriacou (1987) mencadangkan konflik peranan dan peranan kekeliruan adalah konstruk yang mempunyai nilai dalam melihat pencapaian organisasi dan biasanya berkaitan dengan nilai-nilai yang tidak baik seperti stres, tidak bermotivasi dan kurang komitmen terhadap kerja. Beech (1982) menyatakan hasil negatif adalah melibatkan kehidupan kemanusiaan yang negatif seperti tidak bersemangat, rasa kekecewaan, keletihan, rasa bimbang dan kemungkinan mengalami penyakit jantung.

Pierce dan Molly (1990) menyatakan tuntutan pekerjaan guru menyebabkan guru mengalami stres apabila ahli organisasi merasakan wujudnya kekeliruan peranan dan konflik peranan. Misalnya guru disiplin yang tidak mendapat autoriti untuk melaksanakan tugasnya sebagai guru disiplin. Pierce dan Molly (1990) menyatakan guru ditambah lagi dengan beban kerja yang banyak yang perlu disempurnakan dengan segera. Dalam dunia globalisasi hari ini pelbagai perubahan boleh berlaku dan ia turut menimpa dunia pendidikan. Situasi perubahan ini menyebabkan berlakunya stres ke atas guru.

Gold dan Roth (1993) menyatakan bahawa salah satu punca stres bagi guru-guru adalah perubahan. Oleh yang demikian guru-guru perlulah menyesuaikan diri dengan perubahan dan sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek. Punca stres atau dikenali sebagai “stressor” adalah rangsangan yang bertindak terhadap seseorang yang melebihi kebolehan seseorang itu mengawalinya. Kenneth (1996), dalam kajiannya terhadap guru besar mendapati kebanyakan guru besar mengakui beban tugas mereka menyebabkan wujudnya stres. Seramai 78% responden mengakui tahap stres mereka berada pada tahap yang tinggi, puncanya ialah kerana tekanan kerja iaitu sebanyak 70%.

Akibat stres di tempat kerja boleh memberi kesan kepada perhubungan peribadi seseorang (Cooper & Eaker, 1988). Cooper dan Eaker (1988) menyatakan guru yang mengalami stres tidak berupaya mengurusnya secara sendiri dan memerlukan kerjasama orang lain, di samping itu memerlukan masa yang panjang untuk pulih sepenuhnya. Stres juga boleh menyebabkan seseorang guru itu selalu mengambil cuti (Cooper & Eaker, 1988).

2.4 Teori-Teori Stres

2.4.1 Teori Psikodinamik, Tingkah Laku dan Biologi

Menurut Mahmood (2004), beberapa teori telah dikemukakan yang berkaitan dengan stres antaranya ialah teori stres dari sudut psikodinamik, tingkah laku dan biologi.

2.4.1.1 Teori Psikodinamik

Seorang pakar psikoanalisis yang bernama Franz Alexender menyatakan bahawa stres ini disebabkan oleh ketegangan emosi yang tertekan yang terlibat dengan konflik kesedaran (Lazarus & Opton 1996).

2.4.1.2 Teori Tingkah Laku

Dari pandangan Schwab (1994), seseorang yang menunjukkan tingkah laku yang tertekan terhadap sesuatu rangsangan telah diteguhkan masa lampau untuk memberi tindak balas tersebut. Lazarus dan Opton (1996) pula mencatatkan bahawa tingkah laku yang berkaitan dengan stres ini lebih dipengaruhi oleh proses pembelajaran daripada pengaruh mekanisme perasaan tidak yakin. Melalui proses peneguhan ke atas beberapa tingkah laku yang terpilih seseorang itu boleh dibentuk untuk mengalami stres dari situasi tertentu. Sebagai contoh, bagi seseorang yang mengalami stres di tempat kerja kerana terlalu banyak berhadapan dengan permintaan atau perintah yang lain. Keadaan ini adalah tertakluk kepada senang atau susah tingkah laku seseorang itu dibentuk dan jikalau ia mudah, maka senanglah ia mengalami stres.

2.4.1.3 Teori Biologi

Selye (1974) ialah pakar psikologi yang banyak mengkaji fenomena stres dan aspek biologi dan hasil-hasil penyelidikannya, beliau mengutarakan satu teori yang menarik mengenainya. Beliau mendefinisikan teori ini sebagai satu tindak balas yang tidak spesifik oleh tubuh terhadap apa-apa rangsangan atau permintaan. Tindak balas ini yang menjadi tumpuan yang dikenali sebagai Sindrom Adaptasi Am (GAS). Sindrom

ini menunjukkan tidak ada tindak balas dihasilkan oleh tubuh kepada apa-apa bentuk rangsangan yang menyebabkan stres. Sindrom ini mempunyai proses adaptasi kerana tubuh akan merangsang satu bentuk pertahanan yang membantu untuk mengatasi masalah. Ia dinamakan sindrom kerana manifestasi reaksi adalah berkaitan antara satu sama lain.

Model ini adalah berdasarkan tiga tahap asas perkembangan yang berlaku ketika stres iaitu tahap bersedia dan berjaga-jaga (Alarm Reaction), tahap penentangan (Stage of Resistance) dan tahap kelesuan (Stage of Exhaustion) (Selye, 1974).

Dalam tahap bersedia dan berjaga-jaga, ia berlaku pada kali pertama kewujudan stres untuk satu jangka masa yang akan mempunyai tahap rintangan yang lebih rendah dari tahap normal. Peningkatan pada gangguan dalaman dalam jangka masa yang singkat akan menyebabkan peningkatan pada tekanan darah. Seterusnya badan akan mengarahkan sumber pertahanan untuk mempertahankan diri. Sekiranya tindak balas pertahanan berjaya, keadaan kecemasan akan berjaya dan badan akan kembali kepada normal. Kebanyakan stres jangka pendek dapat diselesaikan pada fasa ini. Stres jangka pendek seperti ini dikenali sebagai tindak balas stres yang kuat (Selye, 1974).

Dalam tahap penentangan, sekiranya stres berterusan disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan organisasi ataupun tindak balas pertama tidak berjaya, badan akan mengalami satu perubahan pada skala penuh. Masalahnya badan akan

mengembangkan banyak sumber untuk mengatasi stres ini di mana umumnya mengakibatkan pengurangan ketahanan. Tambahan pula, lebih banyak simptom fizikal yang serius seperti ulser berlaku (Russell, 2000). Dalam tahap kelesuan, sekiranya stres tidak juga dapat dikawal, badan akan kehabisan tenaga dan mengalami keletihan. Ketahanan mungkin hilang kesemuanya dan kematian mungkin berlaku selepas itu (Russell, 2000).

2.5 Model-model Stres

2.5.1 Model Stres Cooper dan Eaker (1988)

Cooper dan Eaker (1988) menyatakan bahawa stres adalah sebarang kuasa yang meletakkan faktor psikologi dan fizikal melampaui tahap keupayaan individu. Ini bermaksud halangan yang timbul akan mengakibatkan stres. Sehubungan dengan itu, setiap individu mempunyai keupayaan dan pendekatan yang berbeza dan bergantung kepada jenis personaliti serta mekanisme daya tindak yang digunakan. Sekiranya stres gagal ditangani, maka ia akan menimbulkan masalah dan berkemungkinan individu tersebut akan mengalami stres yang berlarutan. Beliau telah menyatakan bahawa, setiap individu kebanyakan cuba menjaga emosi, pemikiran dan hubungan dengan persekitaran agar mereka selesa.

2.5.2 Model Stres Atkinson (1988)

Atkinson (1988) stres didefinisikan sebagai permintaan berlebihan yang melampaui kebolehan seseorang individu. Mempunyai kerja yang banyak dan ketidakcukupan masa adalah masalah yang biasa. Permintaan daripada pelbagai sumber akan

mendatangkan stres. Stres dikategorikan kepada dua iaitu stres luaran dan stres dalaman. Stres luaran iaitu persekitaran fizikal (seperti piawai yang terlalu tinggi) dan emosi (seperti tidak mahu meminta bantuan).

2.5.3 Model Stres (Kyriacou & Sutcliffe, 1978)

Model ini dibentuk oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978), dengan berpegang kepada konsep stres guru sebagai satu sindrom gerak balas terhadap kesan negatif seperti kemarahan atau kemurungan guru yang biasanya disertai oleh potensi perubahan *pathogenic psychological* dan *biochemical* yang berpunca daripada aspek kerja guru dan perantara yang dipersepsikan sebagai mendatangkan ancaman terhadap harga diri atau kesempurnaan diri guru dan gaya tindak untuk mengawal atau menangani ancaman akan digiatkan untuk mengurangkan sesuatu ancaman yang dipersepsikan (Mokhtar, 1998).

Model ini telah membezakan punca stres berpotensi daripada punca stres sebenar. Punca stres kerja berpotensi adalah aspek-aspek objektif kerja guru seperti beban tugas dan keadaan bising yang boleh menyebabkan berlakunya stres. Stres kerja berpotensi hanya akan menyebabkan stres guru jika ia dianggap oleh guru sebagai ancaman kepada harga diri dan kesejahteraan dirinya. Taksiran oleh guru tentang permintaan atau tuntutan yang dibuat kepada dirinya bergantung kepada interaksi antara ciri-ciri individu guru dan tanggapan guru itu terhadap tuntutan kepada dirinya.

Punca stres berpotensi yang telah ditaksir sebagai mempunyai ancaman dipanggil punca stres sebenar. Punca stres sebenar merupakan satu subset punca stres berpotensi. Dengan kata lain, punca stres kerja sebenar masih wujud dalam persekitaran guru tetapi dianggap secara berlainan dari lebihan set punca stres kerja berpotensi yang lain. Mekanisme daya tindak diperkenankan untuk menangani punca stres kerja sebenarnya oleh individu. Sebahagian daripadanya ditentukan oleh ciri-ciri individu guru.

Stres guru juga adalah berkaitan secara langsung dengan tahap ketidakupayaan mekanisme daya tindak menangani punca stres sebenar dan tahap guru mentaksir ancaman. Di sini, stres guru dilihat sebagai respon terhadap pengaruh negatif seperti kemarahan dan kemurungan yang biasanya diikuti oleh keadaan lain yang dianggapkan sebagai respon berkaitan dengan stres guru. Respon-respon ini boleh berupa perubahan psikologi seperti ketidakpuasan kerja, perubahan fisiologi seperti tekanan darah tinggi atau perubahan tingkah laku seperti tidak hadir bekerja.

Model stres guru ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa stres guru adalah hasil daripada tanggapan atau taksiran guru terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat terhadap dirinya, ketidakupayaan atau kesukaran memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut dan kegagalan memenuhinya merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraan mental dan fizikalnya. Maka, secara tidak langsung dapat dinyatakan di sini, punca stres kerja guru adalah bergantung kepada sejauh mana penafsiran guru terhadap ancaman ke atas dirinya.

2.6 Perkaitan Antara Beberapa Faktor Terpilih Dengan Tahap Stres.

Cooper dan Eaker (1988), menegaskan semua jenis dan bentuk kerja merupakan sumber utama yang menyumbang kepada bebanan tugas. Keadaan ini berlaku disebabkan kerja yang diberikan adalah tidak sesuai ataupun terlampau banyak sehingga menimbulkan beban kepada pekerja terbabit. Walaupun seseorang individu itu berbakat dan cekap di dalam menjalankan tugasnya, dalam masa yang sama beban kerja yang melampaui batas akan menyebabkan prestasi kerjanya menurun dengan mendadak akibat kepenatan fizikal dan mental yang boleh membawa kepada penyakit-penyakit tertentu seperti sakit jantung, darah tinggi dan sebagainya.

Menurut Cooper dan Eaker (1988), keadaan fizikal seperti bunyi bising, keadaan tempat kerja yang sempit dan terlalu ramai orang berada di tempat kerja ataupun kekurangan ruang untuk privasi boleh di hubungkan dengan stres.

Menurut Cooper dan Eaker (1988), faktor-faktor peranan seperti kekurangan kuasa, kabur dengan peranan dan tanggung jawab kerja yang sebenar dan peranan di dalam konflik akan memberi stres di tempat kerja. Fortuna (2001) pula menyatakan konflik yang berlaku di rumah dan di tempat kerja akan memberi kesan kepada perhubungan peribadi seseorang di mana ianya akan menyebabkan seseorang berasa stres. Tambah mereka, kualiti persekitaran sosial di tempat kerja juga membawa kepada stres.

Fortuna (2001) stres di tempat kerja bukanlah suatu fenomena yang terpencil, sebaliknya ianya merupakan sesuatu yang biasa berlaku. Ini kerana, semua pekerja yang sedang bekerja akan mengalami stres tidak kira di mana sahaja organisasi tempat mereka bekerja sama ada di sektor awam mahupun swasta. Menurut Cooper dan Eaker (1988), terdapat beberapa aspek dalam pekerjaan yang boleh menjurus ke arah stres. Aspek-aspek kerja itu sendiri boleh menyebabkan stres kepada pekerja di mana ianya juga dipanggil sebagai bebanan tugas.

Cooper dan Eaker (1988), menyatakan bahawa jumlah tekanan yang dialami seseorang di tempat kerja terhasil daripada perhubungan dengan faktor-faktor seperti jenis kerja, kewujudan *job stressor*, jumlah sokongan yang diterima di tempat kerja dan di rumah serta mekanisme-mekanisme yang digunakan mereka untuk menangani stres.

Kenneth (1996) mendapati bahawa bebanan tugas yang dihadapi oleh guru di tempat kerja telah menyebabkan berlakunya stres. Sebanyak 78% daripada responden mengatakan tahap stres mereka berada di tahap paling tinggi dan 70% responden lagi mengakui punca utama tekanan tersebut adalah disebabkan bebanan tugas.

Sanders (1992) menyatakan bebanan tugas yang melampau dalam sesuatu bidang pekerjaan yang dihadapi oleh guru-guru di sesebuah sekolah mampu memberi kesan yang negatif bukan sahaja terhadap guru yang terlibat tetapi juga kepada organisasi itu sendiri. Dalam konteks sekolah, guru yang terpaksa melaksanakan pelbagai tugas yang berkaitan dengan akademik, pentadbiran dan kokurikulum

menyebabkan masa mereka lebih banyak dihabiskan di tempat kerja berbanding di rumah. Mereka bukan sahaja bergelut untuk menyiapkan tugas masing-masing di sekolah mengikut jadual yang ditetapkan malahan perlu memastikan tugas-tugas di rumah dan tugas-tugas sosial juga berjalan lancar terutamanya bagi yang sudah berkeluarga ataupun yang terlibat dalam aktiviti sosial. Apabila terlalu banyak masa ditumpukan di tempat kerja,

maka tugas-tugas di rumah dan di luar rumah tidak berjalan dengan lancar akibat kekangan tadi.

Jaafar (2003) menyatakan kebanyakan individu bekerja selama 45 jam dalam masa seminggu. Baki masa yang selebihnya pula sepatutnya digunakan untuk mengukuhkan perhubungan sosial dengan masyarakat setempat, ini termasuklah berkomunikasi, menyelesaikan masalah dan melakukan aktiviti bersama ahli keluarga, jiran tetangga, rakan-rakan mahupun ahli-ahli bagi persatuan ataupun kelab yang disertai mereka. Sekiranya guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk dihabiskan bersama masyarakat setempat, mereka akan membawa masalah-masalah di luar pejabat ke sekolah untuk diselesaikan. Perkara ini seterusnya akan mengganggu pula komitmen mereka terhadap tugas-tugas hakiki di sekolah.

Jaafar (2003) menyatakan pengurusan adalah satu fenomena yang melibatkan suatu proses bagi manusia menggunakan kemahiran akal fikiran dan potensinya yang melibatkan keupayaan, kebolehan dan kebijaksanaan bagi seseorang untuk mengurus, mengarah, mendorong atau pun untuk mempengaruhi. Ini bermakna, pengurus akan

bertanggung jawab kepada organisasi untuk memastikan kesemua sumber yang ada digunakan sepenuhnya bagi mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan.

Rosmawati (1999), pula memfokuskan etika pengurusan kepada penjagaan hubungan sesama manusia iaitu sentiasa berbaik dan mengelak daripada bertelagah sesama sendiri kerana ianya akan membawa kepada perpecahan dalam sesuatu hubungan.

Apabila perpecahan berlaku maka tidak akan wujud kesepakatan ataupun kerjasama dalam organisasi di mana akhirnya pihak-pihak yang bertelagah ini sama-sama akan mengalami kerugian. Isu yang cuba disampaikan oleh penulis tersebut ialah seseorang pengurus tidak akan mempunyai apa-apa nilai sekiranya beliau tidak menjaga hubungannya dengan pekerja-pekerja bawahan. Dalam erti kata lain, pekerja-pekerja beliau tidak akan menghormatinya sebagai seorang pengurus.

Cormarks (2000) menyatakan bahawa hanya guru besar sahaja yang boleh membuat perubahan dalam memajukan sekolah mereka. Sekiranya kualiti pengurusan guru besar adalah rendah, tidak mungkin mereka mampu untuk menjadikan sesebuah sekolah itu maju dan membangun dengan jayanya. Boleh dikatakan bahawa guru besar yang mengurus dengan beretika adalah guru besar yang cemerlang.

Terdapat beberapa gaya pengurusan yang diamalkan oleh guru besar bagi memastikan objektif sesuatu organisasi itu tercapai. Walau bagaimana pun, apabila ada di antaranya yang tidak memimpin dengan baik ataupun secara beretika maka

pekerja akan menjadi mangsa stres. Menurut Cormarks (2000) perlakuan sesetengah pengurus organisasi juga boleh mendorong kepada berlaku stres di tempat kerja.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Cormarks (2000), mendapati bahawa guru-guru mengakui bahawa mereka kurang berkomunikasi dan kekurangan sokongan dari pihak atasan sekolah mereka. Mereka juga mengakui tidak mempunyai hubungan yang baik dengan guru besar sekolah disebabkan pelbagai halangan dan kesukaran yang dihadapi. Ini disebabkan guru besar yang mengamalkan kerenah birokrasi yang teruk menyebabkan guru perlu melalui beberapa peringkat hierarki di sekolah terlebih dahulu sebelum boleh bertemu dengan guru besar mereka. Ini menunjukkan guru besar memainkan peranan di dalam memberikan stres kepada guru menerusi sikap dan tindakan mereka.

Gaya pengurusan yang tidak mesra dengan pekerja dan bersikap sombong ternyata membawa kesan yang negatif kepada organisasi apabila guru-guru berasa diri mereka tidak dihargai. Komunikasi serta perhubungan di antara guru besar dan guru juga tidak akan berlangsung dalam keadaan yang mesra kerana sudah terdapat perasaan yang tidak enak di antara mereka (Noriah 1994).

Menurut Cooper dan Eaker (1988) kekeliruan peranan menyebabkan guru-guru mengalami stres. Cooper dan Eaker (1988) telah menyatakan konflik peranan yang berlaku di sekolah boleh memberi kesan kepada perhubungan peribadi seseorang dan boleh menyebabkan berlakunya stres di kalangan guru. Bebanan tugas yang di

hadapi oleh guru di sekolah menyebabkan guru-guru mengalami stres (Kenneth 1996).

Stres bergantung kepada banyak faktor-faktor atau dimensi dan ia boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru seterusnya boleh mempengaruhi produktiviti, prestasi dan kecekapan guru (Fortuna, 2001). Ali Murat (2003) menyatakan stres adalah berpunca daripada seseorang yang berasa putus asa dengan kerja-kerja di luar jangkaan dan kurang pengawalan personal dari pihak atasan. Stres juga akan timbul apabila berdepan dengan kerja yang terlalu banyak untuk dilakukan, sebaliknya berdepan dengan masa yang terlalu singkat serta disokong pula dengan sumber yang amat terhad Ab. Aziz (2000).

Mengikut Jaafar (2003) seseorang yang berdepan dengan kekaburan tugas yang perlu dilaksanakan akan mengalami stres. Keadaan ini berpunca kerana apabila sesuatu tugas itu tidak jelas bagaimana dan bila tugas-tugas itu perlu diselesaikan, menyebabkan seseorang itu asyik berfikir bagaimana menyelesaikan sedangkan tarikh akhir yang perlu disiapkan sudah hampir, ditambah pula jika seseorang itu mempunyai tugas yang lain yang juga perlu dilaksanakan dengan segera. Hal ini menyebabkan seseorang itu akan mengalami stres.

Pettegrew dan Wolf (1982) menyatakan terdapat banyak faktor-faktor yang menyebabkan seseorang guru mengalami stres. Di antaranya ialah faktor kekeliruan peranan, bebanan tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas. Jaafar (2003) menyatakan berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa orang

yang mengalami keaburan peranan akan mengalami stres yang tinggi. Sanders (1992) menjelaskan tentang beban kerja yang berlebihan boleh menyebabkan guru menjadi resah, bingung, tertekan dan mengakibatkan berlakunya stres. Hatta dan Ruzana (2003) menjelaskan bahawa konflik peranan menjadikan seseorang guru menjadi stres kerana berhadapan dengan suasana yang mengelirukan. Hatta dan Ruzana (2003) menyatakan konflik peranan adalah konstruk yang mempunyai nilai dalam melihat pencapaian organisasi dan biasanya berkaitan dengan nilai-nilai yang tidak baik seperti stres.

Ahmad Azhari (1998), menyatakan terdapat beberapa faktor yang boleh menimbulkan stres dalam kalangan guru-guru. Antaranya ialah kerana beban tugas yang berat dan kesuntukan masa dan mengakibatkan kesukaran membuat urusan-urusan yang lain. Ahmad Azhari (1998) juga menyatakan seseorang guru akan mengalami stres kerana konflik peranan dan gaya pengurusan guru besar di sekolah. Mohamad Najib (1999) pula menyatakan tiada perbezaan antara status perkahwinan dengan tahap stres yang dialami oleh guru-guru. Walaupun begitu min stres menunjukkan guru duda atau janda mengalami stres yang lebih berbanding dengan guru bujang dan berkahwin.

2.7 Rumusan

Bab ini telah membincangkan teori-teori stres, model-model stres dan faktor-faktor stres iaitu kekeliruan peranan, peranan beban tugas, konflik peranan, tekanan tugas dan gaya pengurusan. Selain itu bab ini juga membuat sorotan kajian-kajian yang

mengaitkan antara kekeliruan peranan, bebanan tugas, konflik peranan, tekanan tugas dan gaya pengurusan dengan stres guru.

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bagi mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai, metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian. Ianya bagi menjamin kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan pemboleh ubah yang hendak dikaji serta hipotesis-hipotesis yang digunakan di dalam kajian. Oleh itu bab ini menjelaskan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Ia dibahagikan kepada reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, alat ukur, kajian rintis, prosedur pemungutan data, prosedur menganalisis data, menguji hipotesis dan membuat rumusan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Syed Arabi (1993) menjelaskan bahawa reka bentuk kajian amat penting bagi sesuatu kajian kerana reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian bagi sesuatu kajian deskriptif-korelasi. Menurut Gajendra dan Ruth (1981) kajian deskriptif membekalkan data-data yang penting untuk

penyelidikan dan membolehkan penerangan dilakukan terhadap sesuatu fenomena dengan menganalisis data yang diperolehi dari soal selidik. Menurut Mohd Majid (1993) kajian korelasi memberi penekanan kepada penentuan sejauhmana kaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Penyelidik menggunakan prosedur soal selidik untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan penyelidikan.

3.3 Populasi dan Persampelan

Populasi ditakrifkan sebagai keseluruhan kelompok manusia, benda atau peristiwa yang ingin dikaji oleh penyelidik (Mohd Majid, 1993). Persampelan pula adalah merupakan strategi utama dalam sesuatu penyelidikan bagi membolehkan penyelidik mendapat maklumat mengenai sesuatu perkara daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi (Mohd Majid, 1993). Sampel pula ialah sebahagian individu yang diambil bagi mewakili sesuatu populasi (Sapora, 2007). Bagi kajian ini, populasi adalah terdiri daripada 580 orang guru (JPN Kelantan, 2010) yang mengajar di 15 buah sekolah rendah di daerah Jeli, Kelantan. Oleh kerana kajian yang dibuat adalah berkenaan dengan faktor-faktor stres guru-guru di sini maka sampel yang digunakan ini adalah mewakili populasi guru-guru di daerah Jeli. Bagi menetapkan jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini pengkaji telah merujuk jadual yang dibuat oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan Jadual ini jika jumlah populasi responden ialah seramai 580 orang maka jumlah sampel yang perlu dipulangkan ialah sebanyak 226 sampel. Walau bagaimanapun penyelidik telah menetapkan sebanyak 500 responden untuk menjawab soal selidik yang dipilih secara rawak. Penyelidik menetapkan 90% atau 450 set yang dapat dipungut balik.

3.4 Alat Ukur Kajian

Soal selidik dalam kajian ini terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu Bahagian A (demografi), Bahagian B, C, D, E dan F yang mengandungi soal selidik faktor-faktor stres dan Bahagian G yang terdiri daripada Soal selidik tahap stres seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1
Jadual Spesifikasi Instrumen

Bahagian	Perkara
A	Maklumat Diri Responden
B	Peranan kekeliruan
C	Peranan beban tugas
D	Peranan konflik
E	Gaya pengurusan
F	Tekanan tugas
G	Stres

Bahagian A mengandungi maklumat diri responden iaitu jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar. Bahagian B, C, D, E dan F mengandungi soal selidik faktor-faktor stres guru. Ianya mengandungi 29 item yang bertujuan untuk mendapat maklumat tentang stres guru berdasarkan kepada peranan kekeliruan, peranan beban tugas, peranan konflik, gaya pengurusan dan tekanan tugas. Soal selidik ini adalah berdasarkan pandangan guru terhadap stres. Alat ukur bahagian B, C, D, E dan F iaitu faktor-faktor stres diambil daripada Pettegrew dan Wolf (1982) *Validating Measures Of Teacher Stress (VMTS)* untuk mengukur enam faktor stres iaitu dimensi kekeliruan peranan, beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas. Manakala alat ukur yang digunakan untuk mengukur tahap stres pada bahagian G adalah diambil daripada Conley dan Woosley

(2000) yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai Cronbach alfa 0.93.

Item-item bagi setiap dimensi adalah seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

Kedudukan Item Bagi Setiap Dimensi

Dimensi	Nombor Soalan
peranan kekeliruan,	1, 2, 3, 4, 5
peranan beban tugas	6, 7, 8, 9, 10
peranan konflik	11, 12, 13, 14, 15
gaya pengurusan	16, 17, 18, 19, 20
tekanan tugas	21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29

Skala lima mata digunakan untuk soal selidik ini di mana skala tersebut adalah seperti Jadual 3.2. Alat ukur yang digunakan untuk mengukur stres seseorang guru sejak tahun 1960 an lagi (Langner, 1962) dan merupakan salah satu alat ukur yang popular kerana kestabilan kesahannya (Caplan, 1975). Terdapat lima konstruk utama di dalam alat ukur ini iaitu berasa letih dan tidak mahu membuat kerja, berasa tenaga sudah digunakan sampai habis setiap hari, emosi berasa lesu untuk melakukan pekerjaan, berasa tenaga sudah habis diperah untuk melaksanakan kerja dan badan berasa tak seimbang selepas selesai melaksanakan tugas (Byrne 1998). Cronbach alfa ialah 0.93 (Conley & Woosley, 2000). Setiap item dalam alat ukur ini mengandungi lima pilihan jawapan yang menyatakan darjah kekerapan berbentuk skala lima mata iaitu 1 (Tidak pernah), 2 (Jarang-jarang), 3 (Sekali-sekala), 4 (Kerap kali) dan 5 (Sangat kerap). Untuk item-item negatif, dikodkan semula dalam bentuk positif dan pemberian markah adalah 1 (Sangat kerap), 2 (Kerap kali), 3 (Sekali-sekala), 4 (Jarang-jarang) dan 5 (Tidak pernah).

Kandungan bahagian B, C, D, E, dan F soal selidek *A Revised 64-Item* yang dibentuk oleh Pettegrew dan Wolf (1982) meliputi 64 item. Ia merupakan satu alat ukur untuk melihat tahap stres seseorang guru. Pemilihan adalah berasaskan kepada 29 item penting untuk mengkaji stres guru. Pettegrew dan Wolf (1982) menjelaskan ini merupakan satu alat ukur yang paling baik dan paling kerap digunakan untuk mengkaji stres seseorang guru. Guru yang mempunyai stres yang rendah mempunyai lebih berkecenderungan untuk mencapai kejayaan yang lebih kuat berbanding dengan ke arah kegagalan. Guru yang rendah stres pencapaiannya pula mempunyai lebih mudah berjaya dan mencapai matlamat organisasi berbanding guru yang mempunyai stres yang tinggi. Alat ukur untuk pengukuran ini menunjukkan nilai alfa Cronbach dalam julat 0.71 hingga 0.93 iaitu satu tahap yang baik berdasarkan pendapat Selye (1974) bahawa pemalar 0.70 atau lebih dianggap baik dan menunjukkan kebolehpercayaan yang memadai. Alat ukur ini terdiri daripada lima pilihan jawapan yang menyatakan darjah persetujuan berbentuk skala lima mata iaitu 1 (Amat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Kadang-kadang bersetuju dan kadang-kadang tidak bersetuju), 4 (Setuju), 5 (Amat bersetuju). Item-item negatif, dikodkan semula dalam bentuk positif dan pemberian markah adalah 1 (Amat bersetuju), 2 (Setuju), 3 (kadang-kadang bersetuju dan kadang-kadang tidak bersetuju), 4 (Tidak setuju), dan 5 (Amat tidak setuju).

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dibuat sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah membuat kajian rintis yang melibatkan 30 orang guru daripada salah sebuah sekolah di daerah Tanah Merah, Kelantan. Kajian rintis yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk

mengukur kebolehpercayaan alat ukur. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, nilai Cronbach bagi setiap dimensi dilaporkan dalam Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3
Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen

Dimensi	Nilai alfa Cronbach
Peranan kekeliruan	0.81
Beban tugas	0.76
Konflik peranan	0.74
Gaya pengurusan	0.79
Tekanan tugas	0.88
Stres	0.79

Berdasarkan Jadual di atas, didapati nilai Cronbach alfa melebihi 0.7. Ini menunjukkan instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang mencukupi (Schwab, 1994). Justeru konstruk dan tahap stres guru adalah relevan untuk diguna pakai dalam kajian ini.

3.6 Prosedur Memungut Data

Prosedur penyelidikan kajian dimulakan dengan pemilihan tajuk kertas projek dan perbincangan dengan penyelia, kemudian membuat permohonan kelulusan tajuk daripada pihak Universiti. Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kebenaran juga perlu diperoleh daripada Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan. Setelah memperoleh kebenaran, penyelidik pergi ke sekolah-sekolah yang dipilih dan bertemu dengan guru besar untuk meminta kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah tersebut. Soal selidik diedarkan kepada guru-guru di sekolah terpilih dengan bantuan dari pihak pentadbir dari sekolah berkenaan. Penerangan yang teliti juga diberikan kepada semua guru untuk mengelakan kesilapan dan kesulitan. Segala maklumat yang diberikan

adalah dirahsiakan dan bertujuan untuk kajian semata-mata. Semua soal selidik yang telah diisi dipungut selepas dua minggu. Pengkaji menjangkakan 80% daripada soal selidik dapat dipungut balik dan adalah mencukupi berdasarkan Schwab (1994).

3.7 Prosedur Menganalisis Data

3.7.1 Pengkodan Data

Borang soal selidik yang mengandungi Bahagian A, B, C, D, E, F dan G telah dikodkan bagi memudahkan prosedur menganalisis data. Jadual 3.4 menunjukkan kaedah pengkodan yang digunakan bagi Bahagian A.

Jadual 3.4
Kaedah Pengkodan Ciri-Ciri Demografi

Ciri Demografi	Kumpulan	Kod
Jantina	Lelaki	1
	Perempuan	2
Umur	26 hingga 30 tahun	1
	31 hingga 35 tahun	2
	36 hingga 40 tahun	3
	41 hingga 45 tahun	4
	Melebihi 46 tahun	5
Status Perkahwinan	Bujang	1
	Berkahwin	2
	Janda/Duda	3
Kelulusan Ikhtisas	Sijil Perguruan	1
	Diploma Perguruan	2
	Ijazah Sarjana Muda	3
	Sarjana	4
Pengalaman Mengajar	1 hingga 5 tahun	1
	6 hingga 10 tahun	2
	11 hingga 15 tahun	3
	16 hingga 20 tahun	4
	Melebihi 20 tahun	5

Bahagian B, C, D, E, F ialah instrumen faktor-faktor tekanan guru manakala Bahagian G pula ialah instrumen stres guru. Kedua-dua bahagian ini menggunakan skala 5 mata. Jadual 3.5 menunjukkan kod skala 5 mata yang digunakan.

Jadual 3.5
Kaedah Pengkodan Instrumen Faktor-Faktor Tekanan Dan Tahap Stres

Kod	Skala Alat Ukur Stres	Skala Alat Ukur Faktor Stres
1	Tidak pernah	Amat tidak setuju
2	Jarang-jarang	Tidak setuju
3	Sekali-sekala	Kadang-kadang bersetuju dan kadang-kadang tidak bersetuju
4	Kerap kali	Setuju
5	Sangat kerap	Amat bersetuju

3.7.2 Analisis Statistik Deskriptif

Pengkaji telah menggunakan analisis statistik deskriptif untuk menerangkan tentang demografi responden serta alat ukur kajian. Bilangan dan peratus telah digunakan untuk menjelaskan bilangan responden dari segi jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Min dan sisihan piawai pula digunakan bagi menghuraikan tahap stres guru. Jadual 3.6 di bawah digunakan untuk mentafsir tahap stres guru.

Jadual 3.6
Pengkelasan Min

Pengkelasan Min	Tafsiran
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

3.7.3 Analisis Statistik Inferensi

Analisis inferensi telah digunakan bagi tujuan pengujian hipotesis yang dibina mengikut statistik tertentu. Jadual 3.7 menunjukkan hipotesis nol yang dibina dan ujian yang digunakan untuk menguji hipotesis yang dinyatakan.

Jadual 3.7
Hipotesis Nol dan Ujian

Hipotesis	Ujian
H_01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut jantina.	Ujian-t sampel bebas
H_02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut pengalaman.	Ujian ANOVA
H_03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut kelulusan.	Ujian ANOVA
H_04 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kekeliruan peranan dengan stres.	Korelasi Pearson
H_05 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bebanan tugas dengan stres.	Korelasi Pearson
H_06 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor konflik peranan dengan stres.	Korelasi Pearson
H_07 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor gaya pengurusan dengan stres.	Korelasi Pearson
H_08 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tekanan tugas dengan stres.	Korelasi Pearson

Jadual 3.8 di bawah digunakan untuk mentafsir tahap hubungan antara dua pemboleh ubah yang diuji.

Jadual 3.8
Nilai Koefisien Korelasi Dan Interpretasi

Nilai Koefisien	Tafsiran
0	Tiada korelasi
0.01 – 0.20	Sangat rendah dan kadang-kadang boleh diabaikan
0.21 – 0.40	Rendah
0.41 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.80	Tinggi
0.81 – 1.00	Sangat tinggi

3.8 Rumusan

Bahagian bab ini cuba menjelaskan metodologi yang digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dan juga menguji hipotesis kajian. Kaedah kajian yang dijalankan merangkumi reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan kajian rintis serta prosedur yang digunakan untuk memungut dan menganalisa data. Ia meliputi kajian rintis yang dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen-instrumen yang digunakan bagi mengukur tahap stres guru-guru. Ianya juga cuba menjelaskan tentang prosedur memungut data dan cara-cara data itu dianalisis.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini pengkaji menghuraikan dapatan kajian yang merangkumi profil responden, statistik deskriptif dan keputusan pengujian hipotesis.

4.2 Profil Responden

Pengkaji telah mengedar sebanyak 500 set borang soal selidik kemudian selepas dua minggu pungutan semula telah di buat dan setelah di hitung pengkaji mendapati sebanyak 468 (94%) telah berjaya dipungut semula. Sebelum analisis deskriptif dan infrensi dilakukan, penyelidik telah memastikan bahawa data yang diperolehi adalah data yang berbentuk linear dan berada dalam taburan normal serta bebas daripada kesilapan yang mungkin berlaku semasa menjawab soal selidik atau merekod data. Proses pembersihan data ini dijalankan untuk menyingkir mana-mana data yang *extreme* atau *outlier*. Data *outlier* wajar dikeluarkan dari kumpulan data yang diperolehi kerana ianya boleh menjejaskan kejutuan data dalam analisis statistik Othman (2001). Kaedah *box plot* telah digunakan untuk tujuan ini. Jumlah terakhir responden

selepas pembersihan data ialah 168 orang . Setelah dianalisis didapati statistik profil responden adalah seperti berikut.

4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut jantina.

Jadual 4.1
Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	64	38.1
Perempuan	104	61.9
Jumlah	168	100

Dapatan menunjukkan bahawa responden lelaki yang terlibat seramai 64 orang (38.1%), manakala bilangan responden perempuan adalah seramai 104 orang (61.9 %). Ini menunjukkan bilangan responden perempuan lebih ramai yang terlibat berbanding dengan responden lelaki.

4.2.2 Umur Responden

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut umur.

Jadual 4.2
Bilangan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
26 hingga 30 tahun	38	22.6
31 hingga 35 tahun	35	20.8
36 hingga 40 tahun	56	33.3
41 hingga 45 tahun	22	13.1
Melebihi 46 tahun	17	10.1
Jumlah	168	100

Dari Jadual 4.2 hasil dapatan dari kajian menunjukkan bahawa terdapat 38 orang (22.6%) responden yang berumur 26 hingga 30 tahun, 35 orang (20.8 %) yang berumur 31 hingga 35 tahun, 56 orang (33.3%) yang berumur 36 hingga 40 tahun, 22 orang (13.1%) yang berumur 41 hingga 45 tahun dan seramai 17 orang (10.1%) yang berumur melebihi 46 tahun. Daripada dapatan ini menunjukkan responden yang terlibat terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

4.2.3 Status Perkahwinan Responden

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan.

Jadual 4.3
Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Bilangan	Peratus
Bujang	22	13.1
Berkahwin	141	83.9
Janda / Duda	5	3.0
Jumlah	168	100

Merujuk kepada Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden berdasarkan status perkahwinan yang terlibat di dalam kajian ini iaitu seramai 22 orang (13.1 %) masih lagi bujang, 141 orang (83.9 %) status perkahwinan mereka ialah berkahwin manakala lima orang (3.0 %) ialah janda atau duda.

4.2.4 Kelulusan Ikhtisas

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan Ikhtisas.

Jadual 4.4

Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas

Umur	Bilangan	Peratus
Sijil Perguruan	20	11.9
Diploma Perguruan	66	39.3
Ijazah Sarjana Muda	82	48.8
Jumlah	168	100

Merujuk Jadual 4.4 menunjukkan kelulusan ikhtisas responden yang dimiliki masing-masing. Bilangan responden memiliki kelulusan Sijil Perguruan adalah seramai 20 orang (11.9%), manakala responden yang memiliki Diploma Perguruan adalah seramai 66 orang (39.3 %) dan responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda seramai 82 orang atau 48.8%.

4.2.5 Pengalaman Mengajar

Jadual 4.5 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman.

Jadual 4.5

Bilangan Responden Mengikut Pengalaman

Pengalaman	Bilangan	Peratus
1 hingga 5 tahun	51	30.4
6 hingga 10 tahun	21	12.5
11 hingga 15 tahun	62	36.9
16 hingga 20 tahun	17	10.1
Melebihi dari 20 tahun	17	10.1
Jumlah	168	100

Dari Jadual 4.5 hasil dapatan dari kajian menunjukkan bahawa terdapat 51 orang atau 30.4% mempunyai pengalaman mengajar satu hingga lima tahun, 21 orang (12.5%) responden yang mempunyai pengalaman mengajar dari enam tahun

hingga sepuluh tahun, 62 orang (36.9%) mempunyai pengalaman mengajar dari 11 hingga 15 tahun, 17 orang (10.1%) berpengalaman mengajar di antara 16 hingga 20 tahun dan selebihnya 17 orang juga (10.1%) peratus mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun. Daripada dapatan ini menunjukkan responden yang terlibat adalah dari kalangan guru yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas di bidang pendidikan.

4.3 Analisis Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian

Untuk menghuraikan faktor-faktor stres di sekolah dan tahap stres guru, min dan sisihan piawai digunakan.

Jadual 4.6 menunjukkan min dan sisihan piawai faktor-faktor stres di sekolah.

Jadual 4.6

Min dan Sisihan Piawai Faktor-Faktor Stres.

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Tahap
Kekeliruan peranan	3.21	0.38	Sederhana
Beban tugas	2.53	0.55	Rendah
Konflik peranan	2.74	0.53	Sederhana
Gaya pengurusan	3.65	0.48	Tinggi
Tekanan tugas	2.54	0.58	Rendah

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, dapat dirumuskan bahawa faktor-faktor stres guru-guru sekolah rendah daerah Jeli bagi dimensi gaya pengurusan adalah tinggi (min = 3.65), Bagi dimensi kekeliruan peranan dan konflik peranan adalah pada tahap sederhana dengan min masing-masing 3.21 dan 2.74. Manakala bagi beban tugas dan tekanan tugas adalah pada tahap rendah dengan min masing-masing 2.53 dan 2.54.

Jadual 4.7 menunjukkan min dan sisihan piawai tahap stres guru.

Jadual 4.7

Min dan Sisihan Piawai Tahap Stres Guru.

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Tahap
Stres guru	2.29	0.68	Rendah

Daripada Jadual 4.7 dapat dirumuskan bahawa tahap stres guru di daerah Jeli berada pada tahap yang rendah.

4.4 Pengujian Hipotesis

Bagi menguji hipotesis nol yang dibentuk, ujian-t sampel bebas, ANOVA satu hala dan Korelasi Pearson telah digunakan.

4.4.1 Pengujian Hipotesis H_{01}

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut jantina.

Jadual 4.8 menunjukkan keputusan ujian-t sampel bebas untuk mengenal pasti adakah wujud perbezaan tahap stres guru-guru mengikut jantina.

Jadual 4.8

Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Tahap Stres Guru Berdasarkan jantina.

Aspek	Jantina	Min	S. piawai	Ujian Levene		Ujian t		
				F	Sig	t	df	Sig. (2 hujung)
Stres	L = 64	2.21	.72	1.93	.17	-1.16	166	.25
	P = 104	2.34	.66					

Berdasarkan Jadual 4.8, ujian-t sampel bebas, ujian Levene adalah tidak signifikan ($p>.05$). Keputusan ujian ini memenuhi andaian kehomogenan varians antara lelaki dan perempuan dalam tahap stres guru. Dapatan ujian-t adalah tidak signifikan ($t(166) = -1.16, p > 0.05$). Dengan ini, H_{01} gagal ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap stres guru berdasarkan jantina.

4.4.2 Pengujian Hipotesis H_{02}

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.9 hingga Jadual 4.12 menunjukkan keputusan ANOVA satu hala untuk mengenal pasti adakah wujud perbezaan tahap stres guru-guru mengikut pengalaman.

Jadual 4.9
Keputusan Deskriptif Pengalaman Kerja

	N	Min	s.p	Ralat Piawai
1- 5 tahun	51	2.28	.71	.10
6 hingga 10 tahun	21	2.19	.77	.17
11-15 tahun	62	2.27	.66	.08
16-20 tahun	17	2.59	.61	.15
Melebihi 20 tahun	17	2.22	.66	.16
Jumlah	168	2.29	.68	.05

Jadual 4.10
Keputusan Ujian Kehomogenan Varians

Ujian Levene	df1	df2	Sig.
.52	4	163	.72

Jadual 4.11

Keputusan ANOVA Satu Hala Faktor Stres Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

	Hasil Tambah Kuasa Dua	df	Kuasa Dua Min	F	Sig.
Antara Kumpulan	1.82	4	.46	.98	.42
Dalam Kumpulan	76.00	163	.47		
Jumlah	77.83	167			

Jadual 4.12

Keputusan Ujian Pos-Hoc Tukey

(I) pengalaman	(J) pengalaman	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
1-5 tahun	6-10 tahun	.09		.99
	11-15 tahun	.01	.18	1.00
	16-20 tahun	-.31		.49
	melebihi 20 tahun	.05	.13	1.00
			.19	.19
6-10 tahun	1-5 tahun	-.09	.18	.99
	11-15 tahun	-.08	.17	1.00
	16-20 tahun	-.40	.22	.39
	Melebihi 20 tahun	-.03	.22	1.00
11-15 tahun	1-5 tahun	-.01	.13	1.00
	6-10 tahun	.08	.17	.99
	16-20 tahun	-.32	.19	.44
	Melebihi 20 tahun	.05	.19	1.00
16-20 tahun	1-5 tahun	.31	.19	.49
	6-10 tahun	.40	.22	.39
	11-15 tahun	.32	.19	.44
	Melebihi 20 tahun	.36	.23	.53
Lebih 20 tahun	1-5 tahun	-.06	.19	1.00
	6-10 tahun	.03	.22	1.00
	11-15 tahun	-.05	.19	1.00
	16-20 tahun	-.37	.23	.53

Berdasarkan ujian kehomogenan varians, ujian Levene didapati tidak signifikan ($p > .05$). Ini menunjukkan varians antara julat pengalaman mengajar adalah tidak berbeza. Dapatan ANOVA menunjukkan min faktor stres guru berdasarkan pengalaman mengajar adalah tidak signifikan ($F(4,163) = .98, p > .05$). Dengan ini

H_02 gagal ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap stres guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar.

4.4.3 Pengujian Hipotesis H_03

H_03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru-guru mengikut kelulusan.

Jadual 4.13 hingga Jadual 4.16 menunjukkan keputusan ANOVA satu hala untuk mengenal pasti adakah wujud perbezaan tahap stres guru-guru mengikut kelulusan.

Jadual 4.13
Keputusan Deskriptif Kategori Kelulusan

	N	Min	s.p	Ralat piawai
Sijil perguruan	20	2.22	.55	.12
Dip. perguruan	66	2.30	.66	.08
Ijazah	82	2.30	.74	.08
Jumlah	168	2.29	.68	.05

Jadual 4.14
Keputusan Ujian Kehomogenan Varians

Ujian Levene	df1	df2	Sig.
2.39	2	165	.10

Jadual 4.15
Keputusan ANOVA Satu Hala Stres Guru Berdasarkan Kategori Kelulusan

	Hasil Tambah Kuasa Dua	df	Kuasa Dua Min	F	Sig.
Antara Kumpulan	.11	2	.06	.12	.89
Dalam Kumpulan	9.27	165	.47		
Jumlah	16.12	167			

Jadual 4.16
Keputusan Ujian Pos-HocTukey

(I) Kategori	(J) Kategori	Perbezaan Min		Sig.
		(I-J)	Ralat Piawai	
Sijil guru	Dip. guru	-.08	.18	.89
	Ijazah	-.08	.17	.89
Dip. guru	Sijil guru	.08	.18	.89
	Ijazah	.00	.11	1.00
Ijazah	Sijil guru	.08	.17	.89
	Dip. guru	.00	.11	1.00

Berdasarkan ujian kehomogenan varians, ujian Levene didapati tidak signifikan ($p>.05$). Keputusan ini memenuhi andaian kehomogenan varians antara kategori kelulusan Sijil perguruan, Diploma perguruan dan Ijazah Sarjana Muda. Dapatan ANOVA menunjukkan min stres guru dan kategori kelulusan adalah tidak signifikan ($F(2,165) = .12, p >.05$). Dengan ini, H_03 gagal ditolak. Ini menunjukkan min stres tidak berbeza mengikut kelulusan.

4.4.4 Pengujian Hipotesis H_04 Hingga H_08

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan ujian korelasi Pearson yang dijalankan untuk mengenal pasti adakah wujud hubungan antara faktor-faktor terpilih dengan stres.

Jadual 4.17
Korelasi Antara Dimensi Faktor-faktor Stres dengan Tahap Stres Guru.

Dimensi stres	Stres
Kekeliruan Peranan	.09
Beban Tugas	.39**
Konflik Peranan	.45**
Gaya Pengurusan	.05
Tekanan Tugas	.31**

**p<.01

H₀₄ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekeliruan peranan dengan tahap stres guru.

Berdasarkan Jadual 4.17, didapati kekeliruan peranan mempunyai hubungan yang tidak signifikan ($r = .09, p > .05$) dengan stres guru. Dengan ini *H₀₄* gagal ditolak. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekeliruan peranan dengan tahap stres guru.

H₀₅ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bebanan tugas dengan tahap stres guru.

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati bebanan tugas mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = .39, p < .05$) dengan stres guru. Dengan ini, *H₀₅* ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bebanan tugas dengan tahap stres guru.

H₀₆ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor konflik peranan dengan tahap tahap stres guru.

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati faktor konflik peranan mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = .45, p < .05$) dengan stres guru. Dengan ini, *H₀₆* ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara konflik peranan dengan tahap stres guru.

H₀₇ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor gaya pengurusan dengan stres guru.

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati faktor gaya pengurusan mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan ($r = .05$ $p > .05$) dengan stres guru. Dengan ini, H_07 gagal ditolak. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pengurusan dengan stres guru.

H_08 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tekanan tugas dengan tahap stres guru.

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati faktor tekanan tugas mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = .31$ $p < .05$) dengan stres guru. Dengan ini, H_08 ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan tugas dengan tahap stres guru.

4.5 Rumusan

Bab ini membincangkan dapatan kajian hubungan antara faktor-faktor terpilih dengan stres guru. Selain itu, keputusan kajian ini juga menggambarkan tahap stres guru di Jeli. Kajian juga dapat mengenal pasti perbezaan tahap stres guru berdasarkan jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan dan pengalaman mengajar.

BAB V

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Perbincangan utama dalam bab ini tertumpu kepada hubungan antara faktor-faktor terpilih dengan tahap stres guru berdasarkan teori-teori dan dapatan kajian yang lalu.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap beberapa faktor-faktor terpilih dan hubungannya dengan stres guru. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti adakah wujud perbezaan stres di kalangan guru berdasarkan demografi seperti jantina, status perkahwinan, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar.

Merujuk kepada kajian-kajian lepas terdapat hubungan antara faktor-faktor tertentu dengan tahap stres. Sungguhpun begitu, hasil penelitian didapati terdapat banyak dapatan dimana kebolehpercayaannya diragui oleh pelbagai pihak (Ab. Aziz, 2000). Fortuna (2001) menyatakan bahawa stres boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru dan seterusnya mempengaruhi produktiviti, prestasi dan kecekapan guru.

Ab. Aziz (2000) menyatakan stres boleh berlaku apabila seseorang itu berhadapan dengan kerja yang terlalu banyak sedangkan tempoh masa yang diberi untuk menyiapkannya terlalu pendek. Dapatan-dapatan kajian yang telah dinyatakan ini bercanggah dengan kajian oleh Rosmawati (1999) beliau mendapati tiada apa-apa perkaitan di antara faktor-faktor stres dengan tahap stres. Ketidakteraturan dapatan kajian-kajian lepas mendorong kajian ini dilakukan.

Kajian ini mengandungi lapan hipotesis nol yang dibentuk dan diuji pada aras kesignifikanan 0.05. Hipotesis-hipotesis nol ini dibentuk untuk mengkaji hubungan antara lima dimensi faktor-faktor stres iaitu kekeliruan peranan, beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas dengan tahap stres guru. Di samping ia dibentuk untuk mengenal pasti perbezaan tahap stres guru berdasarkan jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar.

Cara kajian ini dibuat ialah dengan mendedarkan soal selidik yang mengandungi enam bahagian. Bahagian A ialah soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri demografi guru iaitu jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar. Bahagian B, C, D, E dan F ialah soal selidik bagi mengukur faktor stres yang mengandungi 29 item.

Penyelidik menggunakan alat ukur *Validating Measures of Teacher Stress (VMTS)* yang dicipta oleh Pettegrew dan Wolf (1982) di mana 29 item mewakili lima dimensi iaitu kekeliruan peranan mempunyai 5 item, konflik peranan 5 item, beban tugas 5 item, gaya pengurusan 5 item dan tekanan tugas sebanyak 9 item. Alat ukur

tahap stres pula di ambil daripada Conley dan Woosley (2000) yang terdiri daripada 5 item sahaja. Semua soal selidik menggunakan skala lima mata darjah persetujuan. Kedua-dua alat ukur iaitu *Validating Measures of Teacher's Stress (VMTS)* dan *Stress Composite Measure of Five Symptom (SCMS)* ini telah diuji kebolehpercayaannya menerusi satu kajian rintis. Kajian rintis dijalankan ke atas 30 responden dari sebuah sekolah di daerah Tanah Merah, Kelantan. Ujian kebolehpercayaan bagi dimensi kekeliruan peranan ialah 0.81, dimensi peranan beban tugas ialah alfa Cronbach 0.76, konflik peranan ialah alfa Cronbach 0.74, gaya pengurusan ialah alfa Cronbach 0.79, tekanan tugas ialah alfa Cronbach 0.88, sementara instrumen stres menunjukkan nilai pemalar alfa Cronbach 0.79.

Sampel seramai 500 orang responden yang terdiri daripada guru-guru dari 15 buah sekolah rendah di daerah Jeli, Kelantan terlibat di dalam kajian ini. Sebanyak 486 soal selidik dikembalikan dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi untuk menentukan faktor stres, tahap stres, perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji.

Analisis yang dijalankan memberikan keputusan yang menjawab soalan-soalan kajian yang dibentuk. Tahap gaya pengurusan di daerah Jeli, Kelantan adalah tinggi sementara kekeliruan peranan dan konflik peranan menunjukkan tahap yang sederhana. Tahap beban tugas dan tekanan tugas adalah rendah. Min bagi tahap stres pula berada pada tahap rendah. Keputusan ini menunjukkan guru-guru di daerah Jeli, Kelantan mengalami stres yang rendah. Selain itu kajian ini mendapati tidak terdapat

perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan iktisas dan pengalaman mengajar. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi iaitu peranan beban tugas, konflik peranan dan tekanan tugas dengan stres guru. Walau bagaimanapun, hubungannya pada tahap sederhana.

5.3 Dapatan dan Perbincangan

5.3.1 Tahap Stres Guru

Berpandukan kepada min tahap stres guru 2.29, dapatlah dibuat rumusan bahawa guru-guru di daerah Jeli mempunyai tahap stres yang rendah. Ini menggambarkan guru-guru di daerah Jeli dapat memikul tanggung jawab yang diamanahkan dengan sempurna. Apa yang ditunjukkan oleh guru-guru di daerah Jeli adalah relevan dengan teori keperluan (Alderfer, 1969) yang menekankan bahawa manusia memerlukan keperluan yang boleh disusun dalam satu hierarki.

Walaupun, stres guru dapat dikurangkan lagi melalui penambahbaikan aspek-aspek tertentu seperti persekitaran kerja iaitu dengan menyediakan prasarana yang baik, peralatan yang lengkap dan suasana kerja yang kondusif juga dapat mengurangkan stres guru. Dalam masa yang sama penghargaan dan ganjaran sewajarnya diberikan kepada guru-guru di atas segala usaha yang telah dilakukannya. Dengan pemberian penghargaan dan ganjaran ini, ianya dapat mengurangkan tahap stres guru (Alderfer, 1969).

5.3.2 Tahap Stres Berdasarkan Jantina

Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan ujian-t sampel bebas, adalah tidak signifikan ($p > .05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian Conley dan Woosley (2000) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan berhubung dengan faktor stres dan tahap stres guru berdasarkan jantina. Keadaan ini berlaku kerana di Malaysia, tidak wujud diskriminasi antara lelaki dan perempuan. Semua guru mendapat mata gaji yang sama dan peluang-peluang kenaikan pangkat juga adalah sama. Keadaan layanan sama rata ini menyebabkan guru-guru tidak tertekan dan dengan itu stres tidak wujud.

5.3.3 Tahap Stres Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Kajian juga dibuat untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan ujian ANOVA menunjukkan min stres guru berdasarkan pengalaman mengajar adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian ini selari dengan Abouserie (1996). Ini menunjukkan lama atau baru seseorang itu mengajar tidak mempengaruhi stres guru. Keadaan ini berlaku kerana di Malaysia terdapat suasana dan persekitaran yang sama, di mana keadaan sedia ada murid-murid tidak memerlukan pengalaman yang banyak untuk mendidik mereka.

5.3.4 Tahap Stres Berdasarkan Kategori Kelulusan

Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan kategori kelulusan. Berdasarkan dapatan ANOVA menunjukkan min stres guru dan kategori kelulusan adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan kategori kelulusan.

Tahap stres bagi guru-guru di daerah Jeli didapati tidak dipengaruhi oleh kategori kelulusan. Keadaan ini berlaku kerana terdapat faktor-faktor lain lagi yang mempengaruhi stres guru. Dapatan ini menyokong hujah Ab. Aziz (2000) yang menyatakan stres timbul apabila berdepan dengan kerja yang terlalu banyak untuk dilakukan dan perlu disiapkan dalam masa yang singkat dan bukannya disebabkan kategori kelulusan. Hal ini berlaku kerana walaupun kategori berbeza tetapi layanan dan bebanan kerja adalah sama dan berpadanan dengan kelulusan masing-masing.

5.3.5 Hubungan Antara Kekeliruan Peranan Dengan Tahap Stres Guru

Hasil kajian ini juga menunjukkan kekeliruan peranan mempunyai hubungan positif yang tidak signifikan ($r = .09, p > .05$) dengan tahap stres guru. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekeliruan peranan dengan tahap stres guru.

Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh Conley dan Woosley (2000) yang mendapati tidak terdapat hubungan antara kekeliruan peranan dan tahap stres. Kajian ini juga menyokong pendapat Sapora (2007) yang menyatakan banyak lagi faktor-faktor lain yang menyebabkan

stres antaranya berkaitan dengan nilai-nilai negatif seperti menghadapi kesukaran hidup. Hubungan ini berlaku kerana guru-guru di Malaysia dilatih dan diperjelaskan peranan yang patut dimainkan. Oleh itu tidak timbul isu-isu kekeliruan peranan yang patut dimainkan oleh guru-guru.

5.3.6 Hubungan Antara Bebanan Tugas Dengan Tahap Stres Guru

Kajian ini menunjukkan bebanan tugas mempunyai hubungan positif yang tidak signifikan ($r = .39, p < .05$) dengan tahap stres guru. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekeliruan peranan dengan tahap stres guru. Walau bagaimanapun hubungan kedua-duanya rendah. Kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Conley dan Woosley (2000), namun begitu ianya tidak selari dengan kajian yang dibuat oleh Ab. Aziz (2000). Keadaan ini berlaku kerana bebanan tugas guru-guru di Malaysia semakin bertambah. Lebih-lebih lagi pada masa setiap sekolah ditetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) masing-masing. Petunjuk prestasi utama (KPI) ini menyebabkan tugas guru bertambah demi untuk mencapainya.

5.3.7 Hubungan Antara Konflik Peranan Dengan Tahap Stres Guru

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan konflik peranan mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = .45, p < .05$) dengan tahap stres guru. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara konflik peranan dengan tahap stres guru. Walau bagaimanapun hubungan kedua-duanya adalah sederhana. Kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Conley dan Woosley (2000). Hubungan wujud apabila berlaku konflik peranan kerana guru sukar untuk menjalankan tugasnya dengan

sempurna. Konflik peranan menyebabkan guru-guru tidak tahu apakah sebenarnya perkara yang patut dilaksanakan. Oleh itu ia menimbulkan stres dalam kalangan guru apabila berdepan dengan konflik peranan yang patut dilakukan.

5.3.8 Hubungan Antara Gaya Pengurusan Dengan Tahap Stres Guru

Dapatan kajian ini menunjukkan gaya pengurusan mempunyai hubungan positif yang tidak signifikan ($r = .05$, $p > .05$) dengan tahap stres guru. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekeliruan peranan dengan tahap stres guru. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Shakir (1998). Hubungan yang sedemikian rupa adalah disebabkan oleh gaya pengurusan seseorang guru besar boleh memberikan kesan langsung kepada guru-guru, walaupun begitu kesannya tidaklah begitu besar.

5.3.9 Hubungan Antara Tekanan Tugas Dengan Tahap Stres Guru

Keputusan kajian ini menunjukkan tekanan tugas mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = .31$, $p < .05$) dengan tahap stres guru. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tekanan tugas mempunyai hubungan positif signifikan ($r = .31$, $p < .05$). Dengan ini H_0 ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan tugas dengan tahap stres guru. Kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Mokhtar (1998) yang menyatakan tekanan tugas boleh menyebabkan guru mengalami stres. Hubungan ini wujud kerana tekanan tugas yang berlebihan menjadikan guru rasa tertekan dan menyebabkan stres.

5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Hasil kajian yang dijalankan ini memberikan dapatan-dapatan baru dalam siri kajian stres khususnya dalam populasi yang dikaji. Kajian ini memberi implikasi terhadap pengurusan stres. Ianya mampu memberi sumbangan kepada penyelidik-penyelidik sebagai rujukan bagi kajian-kajian akan datang. Ia juga merupakan suatu nilai tambah dalam ilmu yang memberi input baru kepada para penyelidik seterusnya dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam perbandingan dengan dapatan kajian lainnya serta memberi satu gambaran positif terhadap kepentingan pengurusan stres di sekolah kepada pihak pentadbiran sekolah. Ia juga dapat menambahkan bahan-bahan kajian stres dalam bidang pendidikan. Selain daripada itu, dapatan kajian ini telah dapat menyelesaikan isu dapatan yang bercanggah-canggah yang timbul daripada kajian-kajian lepas di mana dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor stres mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap stres guru di daerah Jeli Kelantan.

5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Pihak penyelidik menyedari bahawa terdapat batasan di dalam kajian yang dijalankan yang mana perlu dipertimbangkan pada masa akan datang. Pertama, keputusan kajian ini diperolehi dari 15 buah sekolah rendah di daerah Jeli di negeri Kelantan yang tidak mewakili keseluruhan sekolah rendah seluruh Malaysia. Oleh itu kajian masa depan patutlah dikembangkan kepada saiz populasi yang lebih besar melibatkan keseluruhan organisasi di seluruh Kelantan. Kedua, kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas yang sah pada masa kajian sahaja. Oleh itu, analisis

data tidak dapat memberikan suatu keputusan yang kekal. Oleh itu, kajian longitudinal ke atas faktor-faktor stres adalah dicadangkan. Ketiga, dapatan kajian adalah berdasarkan kepada data hasil daripada tinjauan menggunakan soal selidik semata-mata. Oleh itu, maklum balas yang berat sebelah mungkin wujud. Kaedah campuran ataupun kaedah persampelan strata adalah dicadangkan untuk mengurangkan berlakunya bias. Penggunaan item yang dapat mengukur keseluruhan aspek stres adalah dicadangkan bagi kajian seterusnya untuk masa akan datang.

5.6 Kesimpulan

Keputusan kajian ini menyatakan hubungan antara faktor-faktor stres dengan tahap stres di daerah Jeli Kelantan. Faktor-faktor stres seperti kekeliruan peranan, beban tugas, konflik peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas mempunyai hubungan dengan tahap stres guru. Dapatan kajian ini juga memberikan hubungan yang signifikan di antara faktor beban tugas, konflik peranan dan faktor tekanan tugas guru dengan stres manakala jantung, pengalaman, kelulusan, kekeliruan peranan, gaya pengurusan dan tekanan tugas tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan tahap stres guru.

Dengan dapatan kajian ini, isu-isu yang bercanggah dan mengelirukan telah dapat dijawab dan melalui kajian ini juga maka objektif kajian telah tercapai di mana semua persoalan kajian telah terjawab.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2000). *Pengurusan dan gelagat organisasi di abad ke-21*. Selangor: Prentice Hall.
- Abel, J. (1999). Stress and burnout in rural and urban secondary school teachers. *Journal of Educational Research*. 92, ms. 245-263.
- Abdullah Deraman (2003). *Tekanan kerja guru di sebuah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor Darul Ehsan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Abouserie, R. (1996). *Stress, coping strategies and job satisfaction in university academic staff*. *Educational Psychology*, 16(1): 49-56.
- Adam, E. (1999). Vocational teacher, stress and internal characteristics. *Journal of Vocational and Technical Education*, 16 (1), 7-22.
- Ahmad Shakir (1998). *Tinjauan tahap dan punca stres di kalangan guru-guru sekolah menengah negeri Perlis*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Azhari (1998). *Tahap dan punca stres di kalangan guru-guru yang mengajar kemahiran hidup di negeri Perlis*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Azahari Sarmun (1998). *Tinjauan tahap tekanan dan punca stres di kalangan guru sekolah Sabak Bernam*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1992). *Kaedah penyelidikan sosial-ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alderfer, C. P. (1969). An empirical test of a new theory of human needs organization behavior and human performance. *British Journal Of Educational Psychology*, 69, ms. 111-113.
- Aminah Mahat (1999). *Tahap dan punca stres di kalangan guru-guru yang mengajar di sekolah kebangsaan Selangor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Murat Sunbul (2003). An analysis of relations among locus of control, burnout and job satisfaction in Turkish high school teachers. *Australian Journal of Education* 47, ms 164-178.
- Atkinson, J. M. (1988). *Coping with stress at work*. England: Thorsons Publishers Limited.

- Beech, H. R. (1982). *A behavioral approach to the management of stress*. United Kingdom: John Wiley and Sons.
- Benmansour, N. (1998). Job satisfaction, stress and coping strategies among Moroccan High School Teachers. *Journal of Education Studies*, 3, ms. 13-33.
- Berita Harian (1999). *Bimbingan guru hadapi tekanan mental*. Berita Harian 31 Mac.
- Berita Harian (2005). *Guru dakwa suasana kerja tak kondusif*. Berita Harian 19 Julai.
- Berita Harian, Kuala Lumpur, Malaysia 5 Feb 1998.
- Berita Minggu, Kuala Lumpur, Malaysia 5 Ogos 2007.
- Bittel, L. R. (1976). *Improving supervisory performance*. New York: McGraw Hill Book Co.
- Blum, M. L. & Naylor, J. C. (1968). *Industrial psychology it's theoretical & social foundation*. New York: Harper & Row.
- Boyle, J.G & Baglioni, A. J. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Education Psychology*, 65, ms. 49-67.
- Bromn, M. & Ralph, S. (1991). *Toward the identification of stress in teachers*. Research Journal In Education, 48, ms. 103-110.
- Bruno, F. J. (1990). *Dictionary of keywords in psychology*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Byrne, J. J. (1998). Teacher as hunger artist: Burnout: Its causes, effects and remedies. *Contemporary Education Journal*, 69, ms. 86-91.
- Chei Choy Lye (1997). *Tekanan kerja di kalangan guru-guru di sebuah sekolah menengah kerajaan dan sebuah sekolah menengah swasta*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Cole, M. & Walker, S. (1989). *Teaching and stress*. Milton Keynes and Philadelphia: Open University Press.
- Conley, S. & Woosley, S. A. (2000). Teacher role stress, higher order needs and work outcomes. *Journal of Educational Administraton* 38, ms. 179-201.
- Cooper, C. L. & Eaker, L. H. (1988). *Living with stress*. United State: Penguin Books.
- Cormarks, D. K. (2000). *Leadership behaviors of secondary school principals and teachers satisfaction*. Unpublished Ph.D dissertation. University of New SouthWales.

- Deutsch, C. (1984). *Self reported sources of stress among psychotherapy stress*. Professional Psychology: Research and Practice Journal, 15, ms. 833-845.
- Dua, J. K. (1994). Job stressor and their effects on physical health, emotional health and job satisfaction in a University. *Journal of Education Administration* 32, ms. 59-78.
- Duane, B. & David, J. S. (1996). *Introduction to be the counseling profession*. Allyn & Bacon, A. Simon & Schuster Company. Needham Height, MA 02194.
- Esah Sulaiman, (1997). *Stres di kalangan pensyarah Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim*: Satu kajian kes. Jabatan Ilmu Pendidikan MPTI 1997.
- Fleishman, E. A. & Bass, A. R. (1984). *Studies in personal and industrial psychology*. Illinois: Dorsay Press.
- Fontana, D. & Abouserie, R. (1993). Stress lever, gender and personality factor in teachers. *British Journal of Education Psychology*, 57, ms. 279-288.
- Fortuna Jali (2001). *Tekanan kerja dan hubungan keluarga di kalangan guru-guru dari Sarawak*. Kertas projek yang tidak diterbitkan, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Gajendra, K. V. & Ruth, M. B. (1981). *What is educational research?* Britain: Gower A Publishing Company Limited.
- Gold, Y. & Roth, R. A. (1993). *Teachers managing stress and preventing burnout : The Professional Health Solution*. Washington, D. C: The Falmer Press.
- Guilford, J. P. (1956). *Fundamental statistics in psychology and education*. New York: McGraw-Hill.
- Hatta Sidi & Mohammed Hatta Shaharom (2002). *Mengurus stres, pendekatan yang praktikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Sidi & Ruzanna Zam Zam. (2003). *Menjaga kesihatan jiwa. Teknik mengurus stress*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Herzberg, F. (1972). *The motivation-hygiene theory*. Baltimore: Penguin Books.
- Jaafar Muhammad (2003). *Kelakuan organisasi*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Kenneth, J. (1996). Teacher characteristics and the quality of child. *Journal of Education Psychology*, 28, ms. 133-149.
- Kloska, A. & Ramasut, A. (1985). Teacher stress. *Adjustment and Therapeutic Education Journal*, 3, ms. 19-26.

- Kyriacou, C. (1987). Teacher stress and burnout. *An International Review Journal*, 29, ms. 145-152.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J. (1978). Teacher stress. *British Journal of Education Psychology*, 48, ms. 159-167.
- Lazarus, R. S. (1975). A cognitively oriented psychologist looks at biology feedback. *American Journal of Psychologist*, 30, ms. 7-22.
- Lazarus, R. S. & Folkman, S. (1984). *"Stress, appraisal and coping"*. New York: Springer.
- Lazarus, R. S. & Opton, E. M. (1996). *Psychological stress and the coping process*. New York: McGraw-Hill.
- Mohamad Fauzi Bahadun (1999). *Beban tugas guru-guru kemahiran hidup bersepadu sekolah menengah di daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abd. Ghafar (1999), *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Razali & Abang Ali (1999). *Strategi menangani tekanan di kalangan guru-guru sekolah menengah zon A di bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Mahmood Nazar Mohamed (2004). *Pengantar psikologi*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Manthei, R. & Solman, R. (1988). Teacher stress and negative outcomes in Canterbury State School. *New Zealand Journal of Education Studies*, 23, 145-163.
- Mc Cormick, J. & Solman, R. (1992). Teacher stress and negative outcomes in Canterbury States Schools. *New Zealand Journal Of Educational Studies*, 23, ms. 145-163.
- Mohd. Hasidin Zaini, (1995). *Faktor-faktor yang mempengaruhi stres guru: Kajian di kalangan kakitangan sumber kemahiran hidup sekolah menengah negeri Johor*. Tesis Sarjana Pengurusan Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1993). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Musleh Yunos (1996). *Stail kepimpinan pengetua sekolah berasrama penuh dan kaitannya dengan kepuasan kerja guru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Razali & Abang Ali (1999). Strategi menangani tekanan di kalangan guru-guru sekolah menengah zon A di bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak. Tesis Satu Sarjana Pendidikan. Universiti Sarawak Malaysia.
- Mokhtar Ahmad (1998). *Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah: Satu kajian di daerah Kulim, Kedah*. Tesis Sarjana Sains. Universiti Malaysia Sarawak.
- Murdock, A. & Scutte, C. (1993). *Personal effectiveness*. Great Britain: Butterworth. Heinemann Ltd.
- Murphy, A. & Claridge, S. (2000). *The educational psychologist's role in stress management training within a Local authority*. *Educational Psychology In Practice Journal*, 16, ms. 11-13.
- Narella T, (2003). Self-reported work and family stress of female primary teachers. *Australian Journal of Education*, 47, ms. 186-205.
- Norah Mohamad (1994), *Pola pemilihan respon menangani ketegangan dan hubungan dengan punca-punca ketegangan di kalangan guru-guru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Otta & Rosemaria (1986). *Teacher under stress*: Hill Of Content Publishing Company. Melbourne.
- Pettegrew L.S & Wolf G.E. Validating measures of teacher stress. *American Educational Research Journal*, 19, ms. 373-396.
- Pierce, C. M. & Molly, G. N. (1990). Psychological and biographical differences between secondary teachers experiencing high and low levels of stress. *British Journal Education Psychology*, 60, ms. 37-51.
- Pithers, R. T. & Soden, R. (1998) *Scottish and Australian teacher stress and train*. *British Journal of Educational Psychology*, 68, 269-281.
- Punanesvaran, A. N. (2000). *Hubungan bebanan kerja dengan tekanan kerja di kalangan guru lelaki dan guru wanita di sebuah sekolah rendah di kawasan bandar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Punch, K. F. & Tuettmann, E: (1990). Correlates of psychological distress among secondary school teachers. *British Educational Research Journal*, 16, ms. 369-382.

- Riacou, C. & Sutcliffe, J. (1978). Teacher stress prevalence, sources and symptoms. *British Journal of Educational Psychology*, 48, ms. 159-167.
- Rosmawati Abdullah (1999). *Tekanan kerja di kalangan guru-guru di sekolah menengah serta punca dan faktor kerja dan bukan kerja*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Rosi, A. M. & Lewis, J. (1994). *Unstructured perceptions of work related stress*. London: Taylor and Francis Ltd.
- Sanders, J. C. (1992). *A comprehensive study of stress in the public accounting profession*. Ph.D Dissertation. University of Kentucky.
- Sapora Sipon (2007). *Pendidik mesti bijak kawal emosi*. Utusan Malaysia 27 Julai 2007.
- Schein, E (1999). *Process consultation revisited: building the helping relationship*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Schwab, R. L. (1994). *Teachers stress and burnout*. Great Britain: Penganon.
- Selye, H. (1974). *Stress without distress*. New York: Harper And Row.
- Shahbuddin Hashim & Rohaizani Ismail (2003). *Psikologi pembelajaran dan personality*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Smith, P. B. (1994). The effective of Japanese style of management: A review and critique. *Journal of Occupational Psychology*, 57, ms. 121-136.
- Sidang Pengarang, (1999). *Beban guru kian bertambah*. Guru Malaysia (2) KPPK. Kuala Lumpur.
- Sidang Pengarang, (1996). *Cabaran guru dalam menghadapi wawasan pendidikan*. *Jurnal Guru* 16 Mei. m.s. 52.
- Sidang Pengarang, (1999). *Guru disaran tanam nilai mulia di kalangan pelajar*. Buletin Kementerian Pendidikan.
- Siti Radziah Mohd Said (1982). *Beberapa faktor yang mempengaruhi ketegangan serta kesannya ke atas guru-guru di sebuah sekolah di Kajang*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rohani Md. Sharif (1991). *Pengaruh faktor sekolah ke atas tekanan guru*. Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Syed Arabi Idid (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

- Thomas, N & Judy, L. (2003). Self-reported work and family stress of female primary teachers. *Australian Journal of Education*, 47, ms. 168-176.
- Wan Ameran Wan Amat (2000). *Tekanan kerja di kalangan guru-guru sekolah menengah dalam kawasan Felda Jempol, Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.